

Laporan  
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR  
**AKNC**





# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (SABAH)  
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN  
KESUKARELAWAN

---

**KETUA PTJ :**

ROZITA @ UJI BINTI MOHAMMED

**KETUA UNIT KUALITI :**

LENNY JAMES MATAH

**PENYELARAS :**

AMIRRUL MUHMININ BIN DARUSSAMIN

**PENULIS :**

1. AMIRRUL MUHMININ BIN DARUSSAMIN
2. EVEANA MOSUIN
3. SITI AMINAH BT TENGAH @ MOHAMMAD
4. SHAFAWATI FARHANA BINTI MOHD SAFIHIE
5. NURUL HUDA BINTI ROSLAN
6. HERSHAN @ RAY HERMAN
7. TUTIYANA BINTI MOHAMED

8. GRACE FLAVYELIZ SINONG
9. LENNY JAMES MATAH
10. LENNY JAMES MATAH
11. AHMAD FAREEZ BIN YAHYA
12. ALICE WONG SU CHU
13. MOHD. ADZWIN FARIS BIN NIASIN
14. AMINAH BINTI AMAN
15. AMINAH BINTI AMAN
16. VIDURIATI BINTI SUMIN

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengurusan Kanan UiTMCSH telah merangka **Perancangan** untuk bidang tumpuan dipilih iaitu dengan memformulasikan Pelan Strategik yang dibangunkan melalui tiga proses utama iaitu perancangan, pelaksanaan pemantauan dan penambahbaikan berdasarkan sasaran petunjuk prestasi (PI) UiTMCSH. Perancangan ini dirangka bagi mencapai aspirasi UiTM untuk menjadi “Universiti Terkemuka Dunia” menjelang tahun 2025 dan memenuhi hasrat negara mencapai objektif “Wawasan Kemakmuran Bersama 2030”. Hasil daripada perancangan tersebut, Pengurusan Kanan UiTMCSH telah **Melaksanakan** aktiviti yang dirancangkan dengan Pelan Tindakan Strategik bagi memenuhi sasaran petunjuk prestasi bidang tumpuan yang dipilih. Pada tahun 2023 UiTMCSH telah menjayakan pelbagai jenis projek komuniti dan kesukarelawan yang juga melibatkan semua pemegang taruh termasuk alumni UiTMOpenIHS. Sebanyak 18 projek komuniti yang melibatkan komuniti dalam dan luar negara dari 18 projek tersebut sebanyak 4 projek komuniti telah dimasukan ke dalam petunjuk prestasi (PI) UiTMCSH di mana ia melebihi sasaran petunjuk prestasi. Projek komuniti tersebut merangkumi program perkongsian ilmu, kepakaran, kesukarelawan, penjanaan ekonomi kepada komuniti setempat yang melibatkan jaringan alumni UiTMCSH. Tujuan aktiviti-aktiviti ini dilaksanakan untuk menyemai pembudayaan aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawanan dalam kalangan pelajar dan warga UiTMCSH. Dalam penulisan AKNC kali ini, UiTMCSH memilih Jaringan Alumni, Komuniti Dan Kesukarelawan sebagai bidang tumpuan dan memfokuskan penulisan kepada dua projek berimpak tinggi di mana ia melibatkan semua pelanggan dan pemegang taruh bidang tumpuan UiTMCSH. Projek tersebut ialah Projek (FLP-GAPS) dan Dapur HEP, dua projek ini merangkumi bidang tumpuan di mana ia melibatkan alumni serta aktiviti komuniti dan kesukarelawan. Penyebaran luas berkenaan semua projek komuniti di bawah Pelan Tindakan Strategik bidang tumpuan ini disebarluaskan di laman sesawang rasmi UITMCSH, melalui hebatan e-mel kepada warga UiTMCSH dan warga UiTM serta dimuat naik di media sosial rasmi UITMCSH.

Pengurusan Kanan UiTMCSH telah mengambil pendekatan proaktif dengan melaksanakan **Pemantauan** secara berkala terhadap Pelan Tindakan Strategik yang dirancang. Ini melibatkan pelaporan daripada Penyelaras ICAN UITMCSH (Jaringan Industri, Alumni dan Komuniti), Lapor Piagam Pelanggan Universiti (2020 - 2025) laporan penutup setiap projek komuniti dan kesukarelawan. Setiap projek melibatkan komuniti perlulah mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan. Di samping itu laporan aktiviti projek komuniti dan kesukarelawan perlu direkodkan ke dalam sistem PRIME, sistem ini dapat membantu UiTMCSH memantau dan mengenal pasti impak projek. Pemantauan turut dijalankan melalui pelaporan aktiviti jaringan alumni dan komuniti dari ICAN setiap sukuhan tahun Laporan Community Network Centre (CNC) dan Laporan Piagam Pelanggan Universiti (2020- 2025) (Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni) dan HEP (Hal Ehwal Pelajar) di UITMCSH.

Langkah **Penambahbaikan** dilaksanakan oleh pengurusan kanan UiTMCSH berdasarkan hasil analisis data-data pemantauan yang di rekod dan dibincangkan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri

(JKEN), Mesyuarat bahagian BPJIM&A, Bengkel Perancangan Strategik UiTMCSH dan Laporan Piagam Pelanggan Universiti (2020- 2025). Menerusi perbincangan ini, strategi penambahbaikan bagi petunjuk prestasi UiTMCSH yang belum tercapai telah diputuskan dan tindakan yang bersesuaian bagi penambahbaikan akan dilaksanakan. Bagi petunjuk prestasi UiTMCSH yang telah mencapai sasaran, pemerkasaan petunjuk prestasi akan terus dilakukan.

Penambahbaikan ini diselaraskan mengikut hala tuju universiti berdasarkan objektif dan pelan strategik UiTMCSH. Penambahbaikan berterusan ini bertujuan untuk memastikan setiap objektif dan inisiatif strategik yang disasarkan tercapai dan dibudayakan dengan berkesan.



## **1.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Pengurusan Kanan UiTMCSH telah merancang dan menggunakan pendekatan berikut dalam mengerakkan bidang tumpuan iaitu strategi UiTMCSH telah dibangunkan melalui kaedah berikut:

1. Perancangan dirangka melalui pembentangan dan pelaporan pencapaian prestasi oleh PTJ, pembentangan pencapaian prestasi secara menyeluruh oleh penyelaras unit perancangan strategik (UPS) dan maklumat dari pelaporan Community Network Centre (CNC) dari ICAN setiap sukuan tahun dan Laporan Piagam Pelanggan Universiti (2023) (Bukti 1.2.1) akan dibincangkan, disemak dan dinilai. Melalui maklumat dan data yang diperolehi peratusan pencapaian petunjuk prestasi bidang tumpuan bagi tahun yang terdahulu disemak dan dinilai. Input dari penilaian akan digunakan di dalam Bengkel Perancangan Strategik untuk menyediakan Pelan Tindakan Strategik yang dirangka untuk memperkasakan dan menambahbaik semua aktiviti jaringan bidang tumpuan. (Bukti 1.2.2)
2. Perlaksanaan aktiviti dilakukan dengan mengikut garis panduan tadbir urus yang telah ditetapkan oleh UiTM dan mengambil kira penambahbaikan pelaksanaan projek komuniti yang telah ditetapkan di Bengkel Perancangan Strategik UiTMCSH, beberapa petunjuk prestasi telah disasarkan seperti perkongsian pengetahuan melalui program pemindahan ilmu (KTP) dan tanggungjawab sosial universiti (USR)
3. Pemantauan oleh Pengurusan Kanan UiTMCSH melalui beberapa cara di semua peringkat sebagai contoh Laporan projek PRIME dan Laporan Community Network Centre (CNC). Setiap laporan akan dianalisa dan akan dibincangkan. Punca kegagalan akan dianalisis dan dibincangkan dalam Bengkel Perancangan Strategik UiTMCSH yang melibatkan semua ahli pengurusan UiTMCSH, jawatankuasa berkaitan, kumpulan sasar dan staf (pakar rujuk)

### **4. Penambahbaikan dan Inovasi**

Pengurusan Kanan UiTMCSH telah memperkenalkan satu inovasi dalam pengurusan bidang tumpuan di mana inovasi ini dapat menambahbaik operasi dan juga pencapaian bidang tumpuan. Selaras dengan pendekatan dalam GRU2025 UiTM, Rektor UiTMCSH Profesor Madya Dr Rozita @ Uji Mohammed telah memperkenalkan modal Quintuple Helix -5R dalam pengurusan bidang tumpuan. Pendekatan model Quintuple Helix – 5R memperkenalkan konsep 5R iaitu Relation, Reduction, Reform, Return dan Resilience dalam operasi dan pengurusan kewangan bidang tumpuan. ni (Bukti 1.2.3) Melalui lima sub sistem dalam Model Quintuple Helix iaitu Kerajaan, Komuniti, Industri, Universiti dan Persekutaran, Relation dalam konsep 5R adalah membina repo dan jalinan strategik/pintar dimana lima subsistem ini akan mendapat kebaikan bersama melalui Relation yang terbina. Reduction dalam konsep 5R adalah mengelak pembaziran dengan mengoptimumkan sumber selain mencari alternatif lebih kos efektif. Reform bermaksud menjadi inovatif, unik dan kreatif bagi mencapai Unique Selling Point (USP) dan nilai tawaran berimpak positif. Manakala Return dalam 5R adalah menjana pendapatan, menghasilkan produk, membinan jenama dan reputasi; dan Resilience bermaksud menjadi ampuh dar segi nilai KSI, jati diri, pesona, semangat kerja berpasukan, kebersamaan, peduli insan dan berdaya maju.

Pengurusan Kanan UiTMCSH telah memformulasikan Pelan Tindakan Strategik secara sistematik dengan mengambil kira hala tuju dan garis panduan di peringkat kebangsaan, kementerian, serta universiti. Di antara garis panduan yang digunakan adalah Pelan Strategik UiTM2025 (Bukti 1.2.4), Malaysia Higher Education Blueprint 2015-2025 (Bukti 1.2.2)

serta RMK-12 (Bukti 1.2.4) selain menyahut seruan kerajaan dalam mencapai objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dengan menyasarkan pembangunan untuk semua berpaksikan ilmu (Bukti 1.2.4).

Pembangunan modal insan yang prihatin terhadap keperluan komuniti, memupuk nilai kepimpinan dan membina budaya perkongsian ilmu dalam kalangan pelajar dan warga

SENARAI BUKTI:

1. [K0025\\_K01\\_KB02\\_20241\\_PELAPORAN MKSP KOMUNITI TAHUN 2023.pdf](#)
2. [K0025\\_K01\\_KB02\\_20242\\_SAP2023.pdf](#)
3. [K0025\\_K01\\_KB02\\_20243\\_Quintple Helix 5R Minit.pdf](#)
- 4.
- 5.

### **1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Pengurusan Kanan UiTMCSH komited dalam memastikan objektif bidang tumpuan adalah dicapai. Pelan Tindakan Strategik telah dirangka dengan mengambil kira keperluan yang telah digariskan dan petunjuk prestasi UiTMCSH. Melalui Pelan Tindakan Strategik ini, aktiviti-aktiviti yang melibatkan khidmat UiTMCSH. Dalam 18 program ini, Projek Freshwater Lobster Production-Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) dan Dapur HEP merupakan dua projek mega yang telah dilaksanakan dimana projek ini merupakan projek komuniti dan kesukarelawan terbesar yang melibatkan semua pelanggan/pemegang taruh UiTMCSH.

Kepimpinan UiTMCSH melalui pasukan kajian pembangunan komuniti (SIG-ToCoDes) telah mendapatkan geran komuniti bernilai RM3,500,000.000 untuk menjalankan Projek (FLP-GAPS) selama 5 tahun dan ianya secara rasmi telah bermula pada Februari 2020 dan sehingga tahun 2023, hampir ke peringkat akhir penyiapan. Sebanyak 6 tempat telah ditetapkan sebagai penetasan Lobster yang melibatkan 30 peserta dari B40. (Bukti 1.3.2) Seiring dengan pendekatan Model Quintuple Helix – 5R yang diperkenalkan oleh kepimpinan UiTMCSH, jalinan strategik/pintar (**Relation**) antara **Kerajaan** dan **UiTMCSH** bersama **industri** dan **komuniti** melalui **persekitaran** dapat membantu mengoptimakan sumber (**Reduction**) dengan menjadi inovatif, unik dan kreatif dalam mencapai Unique Selling Point (**Reform**) agar dapat membantu penjanaan pendapatan dan menghasilkan produk (**Return**) demi kebersamaan dan saling peduli (**Resilience**) terhadap komuniti terutamanya golongan B40.

Pengurusan Kanan UiTMCSH memberi tanggungjawab kepada Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIM&A) dalam melaksanakan program yang melibatkan **komuniti ,alumni dan kesukarelawan**. Dalam pelaksanaan program-program tersebut, Bahagian PJIM&A akan membentangkan bagi tujuan kelulusan di mesyuarat JKEN UiTMCSH dan seterusnya bertanggungjawab bagi memastikan pelaksanaan sepenuhnya program-program tersebut. (Bukti 1.3.3) Antara program yang berjaya dilaksanakan pada tahun 2023 yang melibatkan bidang tumpuan adalah Program Komuniti Madani (JAKMA), Program *Growing Stronger Together: Empowering Local Communities in Kg. Bambangan Ulu Tuaran, Sabah, Malaysia through Sustainable Agriculture and Innovation*, Program *Old Folks Community Engagement to Sri Pritchard* dan Program *The Charity for Children at Woori Jib Home, Putatan, Sabah*. (Bukti 1.3.1) Unit *Industry, Community & Alumni Network* (ICAN) dibawah Bahagian PJIM&A bertanggungjawab dalam program kerjasama yang melibatkan universiti dengan industri, komuniti, alumni dan kerajaan. Bitcom dibawah Unit ICAN berperanan dalam mengurus projek FLP-GAPS.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) juga diberi kepercayaan oleh Pengurusan Kanan UiTMCSH dalam menjalankan program yang melibatkan bidang tumpuan. (Bukti 1.3.4) Antara kejayaan Bahagian HEP dalam bidang tumpuan yang telah melibatkan skala besar penglibatan komuniti dan alumni dalam kesukarelawan adalah Program Jaringan Komuniti Madani (JAKMA) anjuran bersama UiTMCSH dan Pejabat Parliment Papar yang diadakan pada 1 Oktober 2023 dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Armizan Bin Mohd Ali (Menteri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas) (. (Bukti 1.3.5)

Selain daripada itu, Dapur HEP yang dilaksanakan oleh Bahagian HEP berkait rapat dengan bidang tumpuan Dimana projek kesukarelawan ini telah melibatkan **alumni, Universiti, Kerajaan dan pelajar** dalam penyumbangan beras dan dana untuk pembelian beras bagi memastikan kesejahteraan pelajar. Bersesuaian dengan tema Bahagian HEP UiTMCSH, Bahagian HEP dengan sokongan berterusan Pengurusan Kanan UITMCSH memastikan tiada pelajar yang lapar. Penyediaan makanan dalam Dapur HEP kepada pelajar-pelajar yang memerlukan, membantu mengurangkan kelaparan di kalangan pelajar dan memastikan mereka mendapat akses kepada makanan yang berkhasiat.

#### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
2. [K0025\\_K01\\_KB03\\_20242\\_Bukti 1.3.2 FRESHWATER LOBSTER PRODUCTION-GREEN AQUAPONICS SYSTEM \(FLP-GAPS\) SMJ.pdf](#)
- 3.
- 4.
5. [K0025\\_K01\\_KB03\\_20245\\_Bukti 1.3.5 Laporan JAKMA 2023 com.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pengurusan Kanan UiTMCSH telah melaksanakan pemantauan yang berstruktur, pelbagai dan berkesan menerusi beberapa instrumen bagi mengenal pasti pencapaian dan pelaksanaan projek-projek bidang tumpuan. Mekanisma pemantauan ini sangat berkesan kerana pemantauan dilakukan sebelum bermulanya projek iaitu melalui kertas kerja dan selepas tamatnya projek iaitu melalui laporan aktiviti penutup projek. Melalui mekanisma pemantauan ini, penambahbaikan berterusan dapat dengan lebih berkesan.

Berikut merupakan contoh laporan pemantauan Di mana laporan secara bertulis dan berkala perlu disediakan oleh PTJ.

- Kertas kerja projek komuniti
- Laporan projek PRIME,
- Laporan Community Network Centre (CNC) .
- Laporan aktiviti penutup program, Bukti 1

Dalam projek FLP-GAPS, pemantauan dibuat melalui laporan bulanan projek dan juga audit luar. Soal selidik juga dijalankan terhadap peserta-peserta projek dan hasil maklumbalas daripada soal selidik ini akan dilaporkan bagi tujuan penambahbaikan terhadap projek. Secara amnya, Projek FLP-GAPS diaudit dan dipantau secara tiga peringkat:

- Peringkat pertama Project Implementation Committee (PIC)
- Peringkat kedua Project Working Committee (PWC)
- Peringkat tertinggi Project Steering Committee (PSC) Bukti 3

Hasil pemantauan akan dibincangkan dalam mesyuarat PIC iaitu bersama pihak Teraju (kerajaan) dan laporan akan dihantar kepada Rektor UiTMCSH. Rektor UiTMCSH juga bertindak sebagai pengurus dalam mesyuarat PWC bagi projek FLP-GAPS dan dengan itu berperanan sebagai wakil pemantauan dalaman Universiti. Ini membuktikan bahawa pemantauan secara menyeluruh (dalaman dan luaran) dijalankan terhadap projek FLP-GAPS selari dengan **kONSEP 5R** dalam **model Quintuple Helix -5R**.

Selain daripada itu, pemantauan juga dibuat melalui mesyuarat MKSP dimana Bahagian PJIM&A akan membentangkan pencapaian Piagam Pelanggan Universiti 4.0 Memberi Khidmat Bakti Kepada Komuniti. Melalui pembentangan laporan pencapaian ini, penambahbaikan dapat dibuat bagi meningkatkan lagi keberkesanan dan jumlah projek bidang tumpuan. (Bukti MKSP)

Pendekatan pemantauan sebegini boleh memastikan program/aktiviti/projek dijalankan mengikut jadual. Hasil daripada pemantauan Pengurusan Kanan UiTMCSH dapat mengenal pasti punca kegagalan sesuatu inisiatif bagi bidang tumpuan. Punca kegagalan akan dianalisis dan di bincangkan dalam Bengkel Perancangan Strategik UiTMCSH yang melibatkan semua ahli pengurusan UiTMCSH, jawatankuasa berkaitan, kumpulan sasar dan staf (pakar rujuk) (Bukti.4.) Pembentangan mengenai isu atau risiko sesuatu inisiatif dalam Bengkel Perancangan Strategik UiTMCSH juga dilaporkan (Bukti 1.4.1.5) berdasarkan Program bagi setiap inisiatif.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20241\\_CE\\_2023\\_00770 - PROGRAM KARNIVAL STEM 2023 com.pdf](#)
2. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20242 LAPORAN KARNIVAL STEM 2023 com.pdf](#)
3. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20243\\_1.1.pdf](#)

4. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20244\\_PELAPORAN MKSP KOMUNITI TAHUN 2023.pdf](#)
5. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20245\\_SAP 2023.pdf](#)

#### **1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Pengurusan Kanan UiTMCSH mengambil kira risiko dalam pelaksanaan bidang tumpuan. Jawatankuasa Pengurusan Risiko UiTMCSH diberi tanggungjawab dalam mengendalikan pengurusan risiko secara holistic bermula daripada penyediaan daftar risiko oleh pemunya risiko, mengesahkan risiko-risiko yang dikenalpasti, mengesahkan tahap risiko mengikut keutamaan, mengesahkan langkah kawalan yang dicadangkan untuk dilaksanakan, meluluskan aktiviti-aktiviti pengurusan risiko di PTJ dan mengesahkan daftar risiko sekurang-kurangnya berimpak tinggi untuk perhatian Tier Strategik. (Bukti 1.4.2.1) Jawatankuasa Pengurusan Risiko UiTMCSH akan mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali setahun bagi memastikan risiko dapat dikenalkan pasti bagi tujuan perancangan kawalan dan pencegahan risiko tersebut. Penilaian semula risiko juga dibuat dalam mesyuarat ini bagi menentukan samada status risiko masih kekal relevan atau tidak bersesuaian dengan keadaan semasa. (Bukti 1.4.2.2)

Penilaian dan proses mengenal pasti risiko terhadap bidang tumpuan juga dibuat melalui proses penetapan inisiatif strategik semasa Bengkel SAP2023 dan mesyuarat di peringkat pelaksana projek komuniti . (Bukti 1.4.2.3) Proses mengenal pasti risiko ini penting bagi membolehkan Pengurusan Kanan UiTMCSH mengetahui punca risiko dan membuat perancangan tindakan pencegahan yang sesuai. Setiap risiko dinilai dari segi impaknya kepada UiTMCSH dan kekangan yang bakal dihadapi dalam pelaksanaan inisiatif strategik. Terdapat enam kumpulan utama risiko yang boleh menjelaskan pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik sesuatu organisasi iaitu risiko strategik, risiko kewangan, risiko perundangan, risiko reputasi, risiko operasi dan risiko projek.

Projek FLP-GAPS dan Dapur Hep telah mengenal pasti risiko dan punca risiko yang boleh menjelaskan kejayaan projek. Projek FLP-GAPS dan Dapur Hep telah mengenal pasti risiko dan punca risiko yang boleh menjelaskan kejayaan projek. Antara risiko yang telah dikenalpasti oleh Bahagian HEP dalam daftar risiko Dapur HEP adalah risiko keracunan makanan, risiko tergelincir, risiko pencemaran silang / Keracunan makanan di dalam peti sejuk dapur HEP dan risiko kerosakan peralatan elektrik. (Bukti 1.4.2.4) Bagi Projek FLP-GAPS, terdapat tiga tahap risiko yang telah didaftarkan iaitu tahap Tinggi, tahap Sederhana dan tahap Rendah. (Bukti 1.4.2.5)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20241\\_Bukti 1.4.2.1 TOR Penyelaras Risiko Sabah.pdf](#)
2. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20242\\_Bukti 1.4.2.2 Minit JK Risiko 2023.pdf](#)
3. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20243\\_Bukti 1.4.2.3Bengkel Inisiatif Strategik & SAP2023.pdf](#)
4. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20244\\_Bukti 1.4.2.4 Laporan Risiko Dapur HEP.pdf](#)
- 5.

#### **1.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Bagi memastikan penambahbaikan yang dijalankan mendarangkan hasil Pengurusan Kanan UiTMCSH meminta setiap PTJ mengemas kini pelaporan pencapaian perancangan strategik setiap satu hingga tiga bulan kepada Penyelaras UPS UiTMCSH mengisi data pencapaian di dalam sistem UePMO. Pihak UPS akan Semakan Pencapaian KPI PU Oleh PTJ\*Jika terdapat pembetulan,PTJ melalui PSTU perlu terus menghubungi PSTU Pengarah Peneraju/Pemilik PI untuk pembetulan berlandaskan penambahbaikan yang telah dicadangkan sebelum ini, perkara ini sangat penting untuk memastikan kesilapan atau pun punca kegagalan tahun sebelumnya tidak berulang lagi.

Penyelaras UPS UiTMCSH akan menyediakan laporan secara menyeluruh terhadap hasil pengumpulan dan membentangkannya pada MKSP dan Mesyuarat JKEN, di mana ia merupakan medium bagi membincangkan sama ada penambahbaikan yang dilaksanakan berkesan ataupun tidak. Bengkel Perancangan Strategik UiTMCSH memainkan peranan yang penting dalam memastikan setiap penambahbaikan mendarangkan kesan positif terhadap bidang tumpuan. Selain itu Laporan projek PRIME, (Bukti 1.4.3.2), Laporan Community Network Centre (CNC) (1.4.3.3). Lapor Piagam Pelanggan Universiti (2020 - 2025) dijadikan instrumen pemantauan bagi memastikan penambahbaikan berkesan.(1.4.3.4).

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, UITMCSH telah berjaya memastikan setiap penambahbaikan yang dilaksanakan mendarangkan hasil, ini dapat di buktikan dengan petunjuk prestasi bagi bidang tumpuan mencapai dan melebihi sasaran selama 3 tahun berturut dari tahun 2021 hingga 2023.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20241\\_CE\\_2023\\_00770 - PROGRAM KARNIVAL STEM 2023 com.pdf](#)
2. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20242\\_LAPORAN KARNIVAL STEM 2023 com.pdf](#)
3. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20243\\_PELAPORAN MKSP KOMUNITI TAHUN 2023.pdf](#)
4. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20244\\_Laporan Pencapaian PI.pdf](#)
- 5.

## **1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Pengurusan Kanan UiTMCSH menitikberatkan pembudayaan objektif dan pelan strategik bidang tumpuan bermula diperingkat pengurusan melalui mesyuarat JKEN dimana model Quintuple Helix -5R diperkenalkan kepada Pengurusan Kanan agar dapat diterapkan dalam proses kerja Jabatan/Bahagian masing-masing. (Bukti 1.5.1). Bahagian PJIM&A dan HEP seterusnya memastikan projek-projek yang melibatkan bidang tumpuan dilaksanakan sesuai dengan konsep 5R dalam model Quintuple Helix -5R selaras dengan objektif dan pelan strategik bidang tumpuan. Konsep 5R dalam lima subsistem utama iaitu Kerajaan, Komuniti, Industri, Universiti dan Persekutuan dapat membantu ke arah pencapaian objektif bidang tumpuan secara menyeluruh. Objektif dan pelan strategik bidang tumpuan juga dimaklumkan kepada warga UiTMCSH pada Majlis 100 hari Rektor UiTMCSH bagi membolehkan warga UiTMCSH bersama-sama menjalankan peranan dan komitmen masing-masing dalam mencapai objektif strategik UiTMCSH. (Bukti)

Melalui Bengkel Perancangan Strategik UiTMCSH, penyelaras Perancangan Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) akan menyampaikan objektif dan inisiatif strategik UiTMCSH kepada Ketua-Ketua Bahagian, Ketua-Ketua Unit, Ketua Pusat Pengajian dan Koordinator Program agar bagi pemahaman dan penghayatan yang mendalam akan komitmen masing-masing dalam menjayakan objektif dan inisiatif strategik UiTMCSH. Ketua-Ketua Bahagian, Ketua-Ketua Unit, Ketua Pusat Pengajian dan Koordinator Program akan menyebarkan budaya tersebut kepada staf masing-masing bagi memastikan staf masing-masing faham akan peranan dan komitmen dalam mencapai pelan strategik bidang tumpuan. Penyelaras Perancangan Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) juga akan mengadakan mesyuarat secara berkala bagi membincangkan pencapaian objektif dan pelan strategik bidang tumpuan. Laporan pencapaian ini juga akan dihebahkan kepada warga UiTMCSH melalui emel rasmi UiTM dan juga hebahan dalam media sosial oleh Unit Korporat UiTMCSH. (Bukti 1.5.2) Laporan pencapaian penuh objektif dan PI universiti juga akan dibentangkan di mesyuarat MKSP bagi tujuan penambahbaikan berterusan.

Pengurusan Kanan UiTMCSH telah membuktikan kecemerlangan dalam membudayakan objektif dan pelan strategik bidang tumpuan dengan pencapaian cemerlang 100% bagi petunjuk prestasi UiTMCSH 2023 yang melibatkan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan (Bukti 1.5.3). Pembudayaan objektif dan pelan strategik bidang tumpuan tidak hanya dibuat kepada warga UiTMCSH malah berterusan ke UiTM Cawangan yang lain. Dapur HEP UiTMCSH telah dijadikan sebagai penanda aras bukan sahaja oleh beberapa kampus cawangan seperti UiTM Cawangan Pahang, Kolej Seroja UiTM Shah Alam malah lawatan penandaaras juga telah dibuat oleh Universiti Malaysia Terengganu (Bukti 1.5.4). Dapur HEP juga diperkenalkan kepada Sekolah Indonesia Kota Kinabalu (SIKK) melalui Program Jaringan Serumpun OPKIM SULAM JAS-OPS 2023. (Bukti 1.5.4)

Pembudayaan objektif dan pelan strategik juga diterjemah dengan keberjayaan pelaksanaan Projek FLP-GAPS dimana pendekatan secara makro yang melibatkan komuniti telah diperluaskan sekitar Kota Kinabalu Sabah iaitu Putatan, Telipok, Tamparuli, Petagas, Sepanggar dan Tuaran, kawasan-kawasan yang telah dijadikan pusat penternakan *Lobster* dan pada tahun 2023 diperluaskan ke kawasan Nabawan. Pendekatan secara mikro Projek FLP-GAPS telah dilaksanakan dalam UiTMCSH yang merangkumi projek khas Rektor UiTMCSH iaitu My Social Entrepreneurship Town (MySet) dan My Edu-Tourism Recreational Park (MyETR Park) telah dilaksanakan pada tahun 2023. (Bukti 1.5.5) Legasi projek FLP-GAPS juga telah diteruskan ke Okinawa Jepun oleh Rektor UiTMCSH dan ahli SIG-ToCoDes melalui program Sakura Echange Program pada November 2023. (Bukti 1.5.5)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_K01\\_KB05\\_20241\\_Quintple Helix 5R Minit.pdf](#)
2. [K0025\\_K01\\_KB05\\_20242\\_Bukti 1.5.2 CARTA ALIR PERANCANGAN INISIATIF STRATEGIK \(UiTM CSH\).pdf](#)
3. [K0025\\_K01\\_KB05\\_20243\\_Lporan Pencapaian PI.pdf](#)
4. [K0025\\_K01\\_KB05\\_20244\\_1.5.4 com.pdf](#)
5. [K0025\\_K01\\_KB05\\_20245\\_1.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan strategik adalah pendekatan sistematis UiTMCSH untuk mencapai KPI universiti khususnya bidang tumpuan iaitu Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Perancangan strategik ini telah dibangunkan selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025) (RMK-12), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM 2015 - 2025) dan Pelan Strategik UiTM2025 sejajar dengan tema strategik 2023 iaitu ‘*Globally Marketable*’ melalui tiga proses utama iaitu **perancangan, pelaksanaan dan pemantauan** melalui inovasi kepimpinan iaitu Model Quintuple Helix 5R (*Relation, Reduction, Reform, Return, Resilience*). Kepimpinan pengurusan kanan memastikan pengurusan strategik merangkumi tiga komponen iaitu memformulasikan strategi, pelaksanaan strategik dan penilaian strategik. Memformulasikan strategi didasarkan kepada misi, visi, objektif dan strategi yang dijana daripada pemantauan luaran dan dalam organisasi. Dalam pelaksanaan strategik pula, program, bajet dan prosedur membantu organisasi bertindak mengikut halatuju dan aspirasi organisasi. Semasa proses pelaksanaan dan penilaian strategik, penilaian dan kawalan risiko turut dilakukan dalam usaha mewujudkan hasil terbaik seperti yang dikehendaki. Dua medium utama iaitu bengkel semak semula perancangan strategik dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) digunakan untuk proses **perancangan** di mana melibatkan beberapa faktor iaitu tema dan teras dalam **RMK-12, WKB 2030, PPPM 2015 -2025**, Pelan Strategik UiTM2025, maklum balas pemegang taruh seperti universiti, industri, kerajaan serta Masyarakat. Faktor akhir adalah hasil analisis pencapaian petunjuk prestasi daripada bengkel semak semula perancangan strategik tahun 2022. Dua projek utama telah dipilih dalam mengerakkan inisiatif strategik dalam mencapai petunjuk prestasi dalam perancangan strategik; iaitu Projek *Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS)* dan **Projek Dapur HEP**. Pelaksanaan dan pencapaian setiap inisiatif telah dibentang dan dibincangkan dalam mesyuarat bahagian/unit/fakulti dan mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Dalam proses pelaksanaan, ia melibatkan empat bahagian utama iaitu Bengkel Perancangan Strategik, Pengurusan Tertinggi UiTMCSH, Unit Perancangan Strategik (UPS) dan Pusat Tanggungjawab (PTJ). **Pemantauan dan penambahbaikan** ke atas semua petunjuk prestasi telah dilaksanakan melalui tiga kaedah iaitu pelaporan pencapaian prestasi oleh PTJ, pembentangan pencapaian prestasi secara menyeluruh oleh penyelaras UPS di mesyuarat MKSP dan bengkel semak semula Perancangan Strategik UiTMCSH.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCSH menggunakan pendekatan sistematik dalam **perancangan strategik** organisasi. Objektif dan inisiatif strategik yang diselaraskan dengan pelan strategik UiTM 2025 dan sejajar dengan tema strategik 2023 iaitu '*Globally Marketable*'. Untuk memastikan semua inisiatif strategik dapat dijalankan secara sistematik, Unit Perancangan Strategik (UPS) telah menghasilkan inovasi **Carta Alir Pelan Inisiatif Strategik UiTMCSH (PIS)** (Bukti 1: Carta Alir PIS). Carta alir ini merangkumi langkah-langkah sistematik di dalam 3 proses utama perancangan strategik organisasi iaitu Perancangan, Pelaksanaan dan Pemantauan.

Bidang tumpuan UiTMCSH adalah Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, Jadual 2.1.1 (Bukti 1) menunjukkan objektif utama, inisiatif strategik, petunjuk prestasi, pencapaian dan projek berkaitan bidang tumpuan tahun 2023 yang telah menjadi panduan dan sasaran di bawah Bahagian PJMI&A dan Bahagian HEP. Seiring dengan gaya kepimpinan Pengurusan Tertinggi UiTMCSH yang mengamalkan gaya kepimpinan berdemokrasi dan pengurusan kolaborasi yang efisien; perancangan strategik telah dirancang dengan adaptasi elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan melalui **Model Quintuple Helix 5R (Relation, Reduction, Reform, Return, Resilience)** yang menitikberatkan pelaksanaan proses pemindahan ilmu yang lebih praktikal dan berimpak menerusi gabungan subsistem iaitu universiti, industri, komuniti dan persekitaran sosioekologi (Bukti 2: Petikan Minit Mesyuarat JKEN (Bil 92)).

Tiga objektif utama dalam perancangan strategik UiTMCSH yang berkaitan bidang tumpuan iaitu yang pertama, Program Khidmat Kepakaran Alumni; objektif utama kedua, Program Antarabangsa Kerjasama Industri/Komuniti; dan objektif utama ketiga, Program kesukarelawan Antarabangsa. Dalam mencapai objektif ini dua inisiatif strategik telah ditetapkan iaitu Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) dan Program Pemindahan Ilmu (KTP). Petunjuk prestasi untuk kesemua objektif utama ini telah ditetap ditunjukkan dalam Jadual 2.1.1(Bukti 1). Bahagian PJMI&A dan Bahagian HEP telah mengambil inisiatif dengan membangun dan melaksanakan pelan tindakan untuk mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.1.2 (Bukti 3). Bagi memastikan petunjuk prestasi tercapai, dua projek utama telah dikenalpasti iaitu Projek *Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS)* dan Projek Dapur HEP. Projek FLP-GAPS diletakkan di bawah tanggungjawab *Special Interest Group (SIG)-ToCoDeS* (Bukti 3: Pendaftaran SSM Syarikat TOCODES LEGACY SDN.BHD dalam pengoperasian Projek FLP-GAPS). Manakala projek **Dapur HEP** dilaksanakan dibawah tanggungjawab Bahagian HEP (Bukti 4: Minit mesyuarat Timbalan Naib Canselor HEP Bil.40/2023). Jadual 2.1.3 (Bukti 4) menunjukkan penjajaran pelaksanaan Perancangan Strategik mengikut bidang tumpuan.

Pembangunan Objektif utama dan inisiatif strategik perancangan strategik UiTMCSH telah diselaraskan dengan tema 1 (menjana semula ekonomi) dan tema 2 (memperkuuh keselamatan, kesejahteraan dan Inklusiviti) dalam RMK-12 (Bukti 5: Rajah 2.2.1 dan Rajah 2.2.3). Di mana projek FLP-GAPS telah membantu dalam melonjakkan pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi. Projek Dapur HEP sejajar dengan WKB 2030 (Bukti 5) dengan prinsip "**tiada sesiapa yang tertinggal**". Kedua-dua projek tumpuan ini seiring dengan konsep Sabah Maju Jaya dengan memfokus pertumbuhan ekonomi, menitikberatkan modal insan dan kesejahteraan rakyat dan memberi perhatian kepada jaringan infrastuktur dan kelesteraian hijau.

Perancangan strategik ini sejajar dengan tema strategik 5 (perkongsian pintar industri, komuniti dan alumni) dalam Pelan Strategik UiTM2025 (Bukti 5: Rajah 2.2.2) dan melalui perancangan

industri melalui perkongsian strategik yang telah dilaksanakan dalam Projek FLP-GAPS dan Projek Dapur HEP.

**SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_P01\\_PB02\\_20241\\_AK2 BUKTI 1.pdf](#)
2. [K0025\\_P01\\_PB02\\_20242\\_AK2 Bukti 2.pdf](#)
3. [K0025\\_P01\\_PB02\\_20243\\_AK2 BUKTI 3.pdf](#)
4. [K0025\\_P01\\_PB02\\_20244\\_AK2 Bukti 4.pdf](#)
5. [K0025\\_P01\\_PB02\\_20245\\_AK2 BUKTI 5.pdf](#)

### **2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Perancangan strategik adalah pendekatan sistematik dan holistik UiTMCSH yang dilaksanakan dengan mengambil kira kekuatan UiTMCSH untuk mencapai KPI universiti khususnya bidang tumpuan iaitu Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Perancangan strategik ini telah dibangunkan selaras dengan misi negara yang terkandung dalam **RMK-12 (2021-2025), WKB 2030, PPPM (2015-2025) dan Pelan Strategik UiTM2025**.

Pembangunan, pelaksanaan dan pencapaian pelan strategik kampus dan universiti dalam perancangan strategik UiTMCSH telah diperluas keseluruh PTJ khasnya dan keseluruhan sistem UiTM amnya melalui mesyuarat bahagian/unit/Fakulti (Bukti 1: minit mesyuarat Staf Akademik 2023) dan hebahan laman sesawang UiTM Cawangan Sabah (Bukti 2: Unit Perancangan Strategik).

Pelaksanaan perancangan strategik UiTMCSH adalah berkesan dan meluas kepada seluruh warga UiTMCSH. Pelaksanaan dan pencapaian setiap inisiatif telah dibentang dan dibincangkan di mesyuarat bahagian/unit, mesyuarat pentadbir akademik dan mesyuarat fakulti, malah pelaksanaan dan pencapaian dalam perancangan strategik ini telah menjadi agenda tetap di dalam **mesyuarat Kaji Semula Pengurusan** (Bukti 2: MKSP).

Merujuk Carta PIS, proses pelaksanaan melibatkan empat bahagian utama iaitu:

- i. Bengkel Perancangan Strategik
- ii. Pengurusan Tertinggi UiTMCSH
- iii. Unit Perancangan Strategik (UPS)
- iv. Pihak yang bertanggungjawab (PTJ)

Perbincangan petunjuk prestasi (PI) dalam perancangan strategik telah diselaraskan oleh penyelaras UPS semasa Bengkel Perancangan Strategik (Bukti 3: Laporan Bengkel Perancangan Strategik) yang telah dihadiri pihak pengurusan tertinggi UiTMCSH dan semua PTJ. Pelaksanaan untuk mencapai petunjuk prestasi adalah dibawah PTJ yang terpilih. Dalam bidang tumpuan yang dipilih, pelaksanaan setiap inisiatif strategik dibawah Projek *Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System* (FLP-GAPS) dikelola dan diselia oleh *Special Interest Group* (SIG) ToCoDes dan Projek Dapur HEP dijalankan oleh Bahagian HEP.

Projek *Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System* (FLP-GAPS) memfokus kepada penternakan Lobster Air Tawar (LAT) dan telah dilaksanakan di enam kawasan iaitu Kg. Shahbandar, Kg.Kayu Madang, Kg. Ratau, Kg.Bantayan, Kg. Muhibbah dan Kg. Duvanson. Pelaksanaan projek ini terdiri daripada lima fasa seperti yang ditunjukan dalam Rajah 2.3.1 (Bukti 4: Fasa Pelaksanaan Projek *Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System* (FLP-GAPS))

Projek Dapur HEP dilaksanakan di bawah Bahagian HEP. Inisiatif strategik di bawah projek ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu tanggungjawab sosial Universiti dan projek pemindahan

ilmu (KTP). Projek ini dijalankan di ketiga-tiga kolej kediaman di UiTM Cawangan Sabah dengan bantuan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPK). Model Projek Dapur HEP telah diperluas di luar UiTM contohnya telah digunakan di Sekolah Indonesia Kota Kinabalu (SIKK) (Bukti 5 : Laporan Berita Sekolah Indonesia Kota Kinabalu & Utusan Borneo)

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_P01\\_PB03\\_20241\\_DK2 Bukti 1.pdf](#)
2. [K0025\\_P01\\_PB03\\_20242\\_DK2 Bukti 2.pdf](#)
3. [K0025\\_P01\\_PB03\\_20243\\_DK2 Bukti 3.pdf](#)
4. [K0025\\_P01\\_PB03\\_20244\\_DK2 BUKTI 4.pdf](#)
5. [K0025\\_P01\\_PB03\\_20245\\_DK2 Bukti 5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik dapat dilaksanakan dengan berkesan, UiTMCSH telah menjalankan pelan pemantauan strategik yang holistik melalui 4 kaedah utama iaitu: 1. Peringatan pengemaskinian data pencapaian kepada PTJ, 2. Pengemaskinian maklumat di dalam sistem UiSMS, 3. Laporan Pemantauan Pencapaian Berkala oleh PSTU dan 4. Laporan PSTU di Mesyuarat Staf Akademik (Bukti 8: Minit Mesyuarat Staf Akademik Bil 1/23).

Pemantauan bulanan dilaksanakan melalui Kaedah 1 di mana Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) memberi peringatan pengemaskinian data mengikut garis masa pelaporan data pencapaian melalui pesanan teks di dalam Whatsapp Group rasmi Unit Perancangan Strategik (UPS) UiTMCSH (Bukti 10: Whatsgroup UPS UiTM Sabah). Bagi Kaedah 2, pengemaskinian perkembangan aktiviti SAP2023 di dalam sistem UiSMS dilakukan oleh *Person-in-Charge* (PIC) atau Pengarah Projek yang dilantik oleh PTJ. Pelaporan ini perlu dilakukan daripada 1hb hingga 4hb setiap bulan (Bukti 11: Carta Alir Pelaporan PI/KPI Bulanan). Bagi Kaedah 3, PSTU membuat semakan data pencapaian di dalam sistem UePMO dan memastikan data yang dilaporkan adalah tepat. PSTU akan menghantar laporan pencapaian ini kepada Rektor UiTMCSH untuk disahkan (Bukti 12: Pelaporan Pencapaian PI/KPI Mac 2023). Langkah ini yang dinamakan sebagai PI Endorsement perlu dilakukan daripada 15hb hingga 17hb setiap bulan (Bukti 11: Carta Alir Pelaporan PI/KPI Bulanan).

Selain pemantauan bulanan di kalangan PTJ/Ketua Projek, PSTU juga melaksanakan pemantauan secara berkala. Kaedah 4 ini melibatkan pelaporan petunjuk prestasi oleh PSTU dan laporan sukuan yang terperinci dibuat. Laporan ini diedarkan kepada warga kampus UiTMCSH melalui emel rasmi agar semua pihak maklum mengenai perkembangan pencapaian universiti (Bukti 13: Makluman Pelaporan Pencapaian PI Sukuan Ke-2 2023). Kaedah 4 dan terakhir di dalam pelan pemantauan strategik UiTMCSH ialah pembentangan pelaporan PI dan pencapaian PI oleh PSTU di dalam Mesyuarat PSTU (Bukti 14: Jemputan Mesyuarat PSTU). Kandungan pelaporan merangkumi data pencapaian daripada sistem UePMO yang telah disahkan oleh Rektor, inisiatif strategik yang bakal dijalankan serta kekangan yang dihadapi oleh UiTMCSH dalam mencapai sasaran-sasaran yang telah diamanahkan. Melalui pembentangan ini, ahli mesyuarat dapat menyumbangkan idea, cadangan serta komen yang membina kepada PSTU agar semua inisiatif strategik dapat dilaksanakan dengan efisien.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20241\\_CK2 BUKTI 8.pdf](#)
2. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20242\\_CK2 BUKTI 10.pdf](#)
3. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20243\\_CK2 BUKTI 11.pdf](#)
4. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20244\\_CK2 BUKTI 13.pdf](#)
5. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20245\\_CK2 BUKTI 14.pdf](#)

## **2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Risiko yang boleh menjelaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian objektif dan inisiatif strategik sesuatu organisasi boleh diklasifikasi mengikut enam (6) kumpulan utama iaitu risiko strategik, risiko kewangan, risiko perundangan, risiko reputasi, risiko operasi dan risiko projek. **Bukti 1.** Pengenalpastian jenis risiko yang dihadapi boleh memudahkan pihak pengurusan mengetahui punca risiko dan perancangan tindakan pencegahan yang sesuai **Bukti 2.**

Penilaian dan proses mengenal pasti risiko dibuat melalui proses penetapan inisiatif strategik semasa Bengkel Pemantapan Inisiatif Strategik (**Bukti 3**: Laporan Bengkel Inisiatif Strategik 2023 Sesi 1). Setiap risiko dinilai dari segi impaknya kepada UiTMCSH dan kekangan yang dihadapi dalam pelaksanaan inisiatif strategik. Bagi UiTMCSH, antara risiko yang dikenalpasti dalam bidang tumpuan adalah risiko kewangan dan risiko projek.

Bagi risiko kewangan, kekangan utama adalah dari segi perolehan dana untuk menjalankan aktiviti berimpak tinggi di dalam bidang tumpuan. Punca risiko kewangan lazimnya disebabkan oleh kelewatan penerimaan dana, kos pelaksanaan projek yang tinggi serta masalah-masalah luar jangka. Semua faktor ini boleh menjelaskan pelaksanaan program serta aktiviti projek terpilih. Pihak pengurusan telah mengambil langkah proaktif untuk mengawal risiko terlibat dengan memberi dana pendahuluan untuk pelaksanaan aktiviti berimpak tinggi.

Selain risiko kewangan, risiko projek juga dikenalpasti sebagai salah satu faktor yang boleh menjelaskan pelaksanaan program. Risiko projek terdiri daripada masalah pengoperasian akibat kurang tenaga kerja serta kekangan dari segi logistik. Impak daripada risiko ini mampu menjelaskan pencapaian petunjuk prestasi UiTMCSH. Langkah pencegahan yang diambil oleh BHEP adalah dengan membuat pemantauan semasa fasa awal perjalanan projek serta mendapatkan maklumbalas daripada pemegang taruh. Daripada data maklumbalas ini, risiko yang disebutkan tadi dapat dicegah.

Dalam usaha menangani kesemua risiko yang dihadapi, UiTMCSH sentiasa mempraktikkan budaya sinergi dan mengaplikasikan proses pengurusan risiko mengikut garis panduan Proses Pengurusan Risiko UiTM. Pengurusan risiko di UiTM CSH dikelaskan kepada empat (4) tahap iaitu Tahap Rendah, Sederhana, Tinggi dan Kritikal. Pelan pengawalan risiko perlu dikenal pasti bagi mengurangkan kesan risiko **Bukti 4**. Pengelasan ini ditentukan berdasarkan kemungkinan kejadian yang tidak diingini dengan jangka masa atau keadaan tertentu dan kesan terhadap pelaksanaan operasi. Secara spesifik, langkah-langkah yang terlibat adalah penetapan konteks, pengenalpastian risiko, penganalisisan risiko, penilaian risiko, klasifikasi risiko, perancangan pengawalan risiko dan perancangan tindakan pencegahan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20241\\_Klasifikasi\\_Risiko.pdf](#)
2. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20242\\_Pengurusan\\_Risiko.pdf](#)
3. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20243\\_CK2\\_BUKTI\\_15.pdf](#)
4. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20244\\_Mitigation\\_Plan.pdf](#)
- 5.

## **2.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Perkembangan pelaksanaan projek-projek universiti yang didaftarkan di dalam pelan perancangan strategik (SAP) universiti dipantau oleh PTJ secara berkala. Pemantauan ini dibuat agar pelaksanaan aktiviti di bawah projek-projek tersebut dapat mencapai PI/KPI universiti dan seterusnya penambahbaikan perancangan strategik dapat dibuat. Bagi projek utama UiTM CSH iaitu FLP-GAPS, beberapa jawatankuasa utama ditubuhkan untuk memastikan proses pemantauan serta pelaksanaan projek dapat dilakukan dengan efisien.

Tiga jawatankuasa tersebut adalah *Project Working Committee*, *Project Steering Committee* dan *Project Implementation Committee*. Bagi *Project Working Committee*, mesyuarat hanya diadakan bersama pihak TERAJU Sabah manakala bagi *Project Steering Committee*, mesyuarat diadakan di peringkat tertinggi diadakan bersama dengan Pihak TERAJU Pusat dan *Project Implementation Committee* yang terdiri daripada pengurusi (dalam kalangan pelaksana), pelaksana, pengurus dan penyelia serta seorang konsultan sekiranya diperlukan. Mesyuarat mesyuarat ini dijadikan sebagai kaedah utama penyemakan dan pemantauan perkembangan projek mengikut garis masa projek yang sudah ditentukan. Hasil daripada proses kaji semula yang dilakukan serta perbincangan mesyuarat, segala masalah serta kekangan projek dapat dikenal pasti. Seterusnya, solusi dan strategi yang praktikal dapat diusulkan untuk tindakan penambahbaikan. Perkembangan perjalanan projek dan pencapaian PI/KPI yang terkini kemudiannya dibentangkan di dalam Sesi Pembentangan Perkembangan PI/KP (Bukti 2: Jemputan ke Sesi Pembentangan PI Suku Pertama 2023).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20241\\_Milestones.pdf](#)
2. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20242\\_CK2 BUKTI 16.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

UiTMCSH sentiasa memastikan pelaksanaan inisiatif strategik bagi bidang tumpuan yang dipilih dijalankan secara sistematik melalui integrasi budaya sinergi, semangat kolaborasi dan komitmen. Setiap fasa inisiatif strategik iaitu Perancangan, Pelaksanaan dan Pemantauan (3P) mempunyai pelan pelaksanaan yang sistematik. Dalam proses pelaksanaan fasa-fasa inisiatif strategik, setiap agen pelaksana memainkan peranan masing-masing dan bekerjasama secara sinergis demi pencapaian objektif dan sasaran UiTM CSH. Di dalam fasa perancangan inisiatif strategik, PSTU UITM CSH telah menganjurkan beberapa siri Bengkel Perancangan SAP2023 di mana setiap PSTU dan Pengarah Projek hadir bersama untuk membuat pemetaan PI serta perancangan projek SAP2023 (Bukti 1: Emel Jemputan ke Sesi Engagement Bersama BTU dan Pengurusan Tertinggi UiTM CSH). Perbincangan yang konstruktif dan bersasar di antara PTJ, PSTU dan barisan pengurusan kanan UiTM CSH semasa bengkel dan mesyuarat menggambarkan budaya sinergi dan semangat kolaborasi yang tinggi (Carta Alir PIS).

Di dalam fasa pelaksanaan, budaya sinergi dan kolaborasi masih diamalkan. Setelah sasaran petunjuk prestasi Tahun 2023 diturunkan dan diamanahkan kepada setiap bahagian, PTJ akan memaklumkan kepada KPP, KP dan KB mengenai halaju universiti dan peranan utama bahagian atau fakulti masing-masing. Inisiatif strategik serta SAP2023 yang telah dibincangkan di dalam mesyuarat bersama barisan pengurusan kanan UiTM CSH dan PSTU juga dikongsikan kepada agen pelaksana di bahagian masing-masing (Bukti 2: Laporan Sesi Engagement dan Pembentangan SAP2023). Ini dapat memastikan maklumat penting seperti halaju universiti, sasaran petunjuk prestasi dan strategi pelaksanaan diturunkan (*cascaded*) secara telus dan tepat. Daripada maklumat ini, setiap bahagian juga dapat membuat perancangan awal dalam usaha kolaborasi dengan bahagian lain, seterusnya mengamalkan budaya sinergi. Di dalam fasa pemantauan, perkembangan aktiviti dan sasaran setiap bahagian dipantau melalui pelan pemantauan strategik yang holistik. Penambahbaikan inisiatif strategik dilaksanakan melalui melalui penemuan audit di bawah tindakan penambahbaikan dan pembetulan yang dilaporkan di dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP). Selain itu, penambahbaikan operasi inisiatif strategik juga dilaksanakan selepas penganalisaan secara berkumpulan secara sinergis.

Kejayaan pelaksanaan Dapur-HEP oleh UiTM CSH melalui amalan budaya sinergi dan semangat kolaborasi yang tinggi telah memberi inspirasi kepada institusi lain untuk mencuba inisiatif yang inovatif ini (Bukti 3: Sijil Pemberitahuan Hak Cipta Dapur-HEP). Sebagai contoh Sekolah Indonesia Kota Kinabalu telah meneladani inisiatif UiTM CSH dengan mengasas Dapur-HEP seperti yang ada di UiTM CSH untuk objektif yang sama iaitu membantu pelajar yang kurang berkemampuan (Bukti 4: Surat Menyatakan Kolaborasi dari Sekolah Indonesia Kota Kinabalu). Selaku perintis Projek Dapur-HEP yang memulakan usaha inovatif ini, UiTM Sabah telah memainkan peranan yang besar di dalam membimbing SMKK untuk membangunkan serta melaksanakan projek Dapur-HEP SMKK. Selain menyalurkan maklumat pengasasan projek kepada SMKK, BHEP UiTM Sabah juga menjalankan program penanda aras untuk memastikan pelaksanaan projek dapat dijalankan mengikut piawaian yang betul dan budaya sinergi dapat diintegrasikan secara berkesan(Bukti 5: Laporan bergambar Dapur HEP UiTM CSH). Ini membuktikan bahawa pembudayaan inisiatif strategik oleh UiTM CSH di dalam bidang tumpuan telah diintegrasikan dengan baik

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_P01\\_PB05\\_20241\\_IK2 BUKTI 17.pdf](#)
2. [K0025\\_P01\\_PB05\\_20242\\_IK2 BUKTI 18.pdf](#)
3. [K0025\\_P01\\_PB05\\_20243\\_IK2 BUKTI 19.pdf](#)
4. [K0025\\_P01\\_PB05\\_20244\\_IK2 BUKTI 20.pdf](#)
5. [K0025\\_P01\\_PB05\\_20245\\_IK2 BUKTI 21.pdf](#)



## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelanggan merupakan pihak yang akan memperoleh manfaat daripada inisiatif Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan yang dilaksanakan. Justeru, pelbagai kaedah telah digunakan bagi mengenal pasti pelanggan yang terlibat dan memastikan keperluan serta ganjaran pelanggan dapat dipenuhi sebaik mungkin. UiTMCSH telah mengenal pasti beberapa pelanggan yang berpotensi berdasarkan keperluan penglibatan pihak yang terlibat dalam menjayakan bidang tumpuan **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan**. Perancangan untuk pelanggan menggunakan pendekatan **Quintuple Helix-5R** dan data yang telah di kumpul kemudian dianalisa menjadi perancangan strategik yang digunakan mencapai objektif Universiti. **Perlaksanaan** projek komuniti dan kesukarelawan telah dilaksanakan oleh UiTMCSH. Berdasarkan perbincangan di peringkat mesyuarat pengurusan eksekutif, mesyuarat pentadbiran dan mesyuarat pentadbiran akademik UiTMCSH yang melihat kepada pencapaian perancangan strategik, terdapat **Dua (2) projek utama** yang berskala mega yang telah diperincikan berdasarkan keupayaan projek tersebut yang menghasilkan impak besar yang menyokong kepada bidang tumpuan **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan**. Projek *Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System* (FLP-GAPS) dan Projek Dapur HEP. Projek FLP-GAPS diletakkan di bawah tanggungjawab *Special Interest Group (SIG)-ToCoDeS*. Untuk memastikan kelestarian Projek FLP-GAPS, operasi projek diurus oleh dua entiti iaitu Koperasi dan start-up company Tocod Legacy Sdn Bhd. Manakala projek Dapur HEP dilaksanakan dibawah tanggungjawab Bahagian HEP.

Di mana projek *Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System* (FLP-GAPS) telah membantu dalam melonjakkan pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi di samping menjadi pemangkin dalam melonjakkan pertumbuhan ekonomi seperti yang termaktub dalam tema 1 RMK-12. Projek Dapur HEP sejajar dengan WKB 2030 (Bukti 5) dengan prinsip “**tiada sesiapa yang tertinggal**”. Projek *Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System* (FLP-GAPS) dan projek Dapur HEP ini menepati tema 2 RMK-12 iaitu memperkuuh pembangunan sosioekonomi di Sabah. Kedua-dua projek tumpuan ini seiring dengan konsep Sabah Maju Jaya dengan memfokus pertumbuhan ekonomi, menitikberatkan modal insan dan kesejahteraan rakyat dan memberi perhatian kepada jaringan infrastuktur dan kelesterian hijau.

Objektif utama projek FLP-GAPS ini ialah **membantu kerajaan dalam membangunkan sosioekonomi komuniti juga membantu komuniti dengan menawarkan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan, menawarkan latihan dan bimbingan secara berterusan**. Keupayaan projek tersebut dapat dilihat dari segi pencapaian dan kebolehan di mana objektif utama projek tersebut memperlihatkan **peningkatan dari kebolehpasaran** dikalangan semua pihak dari pelbagai peringkat masyarakat yang sekaligus berkeupayaan **mengurangkan kebergantungan terhadap dana kerajaan** dan mendorong kemampuan untuk berdiri atas usaha sendiri. Projek **Dapur HEP** adalah usaha di mana membantu **pelajar golongan B40** di mana hampir 70% pelajar UiTMCSH adalah **golongan B40**. Bagi memastikan pelajar mendapatkan keperluan makanan mencukupi pihak HEP telah memperkenalkan projek Dapur HEP yang memberi manfaat kepada Pelajar. Manakala Alumni, Kerajaan dan Komuniti setempat sebagai pemberi dana kepada Dapur HEP. **Pemantauan** terhadap manfaat pelanggan dijalankan dengan mekanisme maklum balas dan aduan pelanggan. Hasil dari maklum balas tersebut **Penambahbaikan** di akan dijalankan untuk memastikan hak dan kebijakan pelanggan sentiasa diutamakan seperti yang dilaporkan di laporan MKSP Komuniti dan dibincangkan secara terperinci di dalam mesyuarat JKEN dan MKSP.

### **3.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

UiTMCSH mempunyai **piagam pelanggan yang digunakan sebagai rujukan untuk mengenal pasti** semua pelanggan UiTMCSH , piagam ini dapat membantu UiTMCSH mengenal pasti kumpulan sasar yang terlibat dalam bidang tumpuan **Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan**. Di samping itu piagam ini juga menyenaraikan tanggungjawab UiTMCSH kepada pelanggan. Selari dengan bidang tumpuan, pelanggan utama yang terlibat adalah Pelajar, Staf, Ibu-bapa, Industri, masyarakat dan pihak -pihak berkepentingan yang lain adalah pelanggan utama kepada projek -projek komuniti dan kesukarelawan bidang tumpuan. **Bukti 1**. Salah satu tanggungjawab UiTMCSH kepada pelanggan mengikut piagam pelanggan ialah memberi khidmat bakti kepada komuniti, dan tanggungjawab ini bersesuaian dengan bidang tumpuan iaitu jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan. Pendekatan **Quintuple Helix-5R** **Bukti 2** digunakan dalam usaha memastikan tanggungjawab dan objektif pelanggan UiTMCSH dapat dicapai. **Quintuple Helix – 5R** menekan penglibatan semua 5 subsistem iaitu kerajaan, komuniti, Industri, Universiti dan Persekutaran. 5 subsistem ini selari dengan piagam pelanggan UiTMCSH di mana semua pelanggan UiTMCSH termasuk dalam 5 subsistem tersebut. Penglibatan semua pelanggan UiTMCSH sangat penting kerana projek komuniti dan kesukarelawan melibatkan semua pihak yang memainkan peranan masing-masing seperti **penerima manfaat, pelaksana dan pemberi dana**. Salah satu konsep 5R yang digunakan terhadap pelanggan UiTMCSH ialah *Relation* iaitu membina repo dan jalinan strategik/pintar (*white ocean strategy win-win situation*) di antara pelanggan dan UiTMCSH. Setiap tahun data dan maklumat pelanggan akan dikumpulkan melalui beberapa mekanisme sebagai contoh Sistem Smart, Borang maklum balas, Sistem Prime **Bukti3. Melalui data yang di kumpul, data tersebut akan dianalisa dan dinilai** kemudian **perancangan yang sistematis** akan dilakukan selari dengan: Pelan Perancangan Strategik UiTMCSH 2021-2025 telah dirangka secara sistematis berdasarkan garis panduan **Bukti**

1. peringkat universiti (Pelan Strategik UiTM 2025),
2. peringkat kementerian (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025)
3. peringkat kebangsaan [Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025)].
4. Hala Tuju Sabah Maju Jaya: Pelan Pembangunan 2021 – 2025. Selari dengan aspirasi Hala Tuju Sabah Maju Jaya:
5. Pelan Pembangunan 2021-2025 dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030)

Hasil dari analisis data dan perancangan tersebut diterjemahkan dalam **Pelaporan MKSP Komuniti Tahun 2023** **Bukti 4** di mana penilaian dan penambahbaikan akan dicadangkan dalam laporan tersebut. Seterusnya laporan ini akan dibincangkan secara terperinci di dalam mesyuarat MKSP untuk membincangkan cadangan penambahbaikan yang diberi. Di peringkat pelaksana projek **perancangan yang sistematis** diwujudkan selari dengan pelanggan utama projek **FLP-GAPS** dan **Dapur HEP** iaitu **Pelajar , Alumni, Pihak Penaja, Komuniti B40 dan Rakan Strategik** UiTMCSH. Inovasi yang berhasil melalui analisis maklumat pelanggan telah mencipta idea inovasi **FLP-GAPS** **Bukti dan Dapur HEP** memperkenalkan sistem pelajar sukarela bukti bagi melancarkan operasi. **Bukti 5**

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_T01\\_TB02\\_20241\\_piagam pelangan UiTMCSH.pdf](#)
2. [K0025\\_T01\\_TB02\\_20242\\_Quintple Helix 5R Minit.pdf](#)
3. [K0025\\_T01\\_TB02\\_20243\\_SAP 2023 .pdf](#)

5. [K0025\\_T01\\_TB02\\_20245\\_Pedekatan FLP-GAPS.pdf](#)

### **3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

PTJ yang bertanggungjawab terhadap tumpuan iaitu PJIM&A dan HEP mengenal pasti pelanggan melalui piagam pelanggan UiTMCSH dan Garisan Panduan jaringan Komuniti UiTM (PJIM&A). PTJ akan menggunakan pelbagai kaedah untuk mengumpul maklumat seperti sistem Prime, Smart, QR kod dan juga sesi temu bual **Bukti 1** untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dan kemudian data pelanggan akan dikumpul, disimpan dan dikenal pasti sama ada mereka layak mengikuti projek komuniti

Penglibatan pelanggan dalam projek bidang tumpuan bergantung dengan pendekatan projek tersebut sebagai contoh untuk Projek FLP-GAPS , pelanggan komuniti setempat (kumpulan B40) telah dikenal pasti melalui sesi temu bual/kajian selidik yang telah dijalankan. Selain daripada itu pelanggan Dapur HEP seperti pelajar dikenal pasti melalui sistem maklumat pelajar SiMS dan untuk pelanggan seperti pemberi dana, senarai rakan strategik melalui sesi perjumpaan dan perbincangan yang membawa kepada memorandum persefahaman. Semua pelanggan yang terlibat dalam projek FLP-GAPS dan Dapur HEP di kumpul dan disimpan dengan baik dalam sistem Prime.

Maklumat seperti surat memorandum persefahaman, surat lantikan projek pelaksana, pelaporan aktiviti sebelum & semasa, maklumat berkaitan dan peserta kursus FLP-GAPS serta perkara yang berkaitan dengan pencapaian projek yang telah dilaksanakan telah **dikumpul dan disimpan dengan baik a Bukti 2**

Penglibatan pelanggan adalah penting dalam menjayakan inisiatif yang dirancang. Justeru, untuk perkara tersebut, pelbagai kaedah penglibatan pelanggan telah dilaksanakan di dalam Projek Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS). **Bukti 3** menunjukkan **cara pengurusan FLP-GAPS melibatkan Kumpulan sasari** dalam projek ini. Dalam usaha memastikan informasi berkaitan projek **FLP-GAPS dan Dapur HEP** ini dapat **disebar luas kepada seluruh pelosok masyarakat, pihak projek pelaksana dengan kerjasama media cetak, media elektronik dan juga media baharu** seperti Facebook dan Instagram telah memaparkan berita-berita terkini berkaitan status semasa projek **FLP-GAPS** dan Dapur HEP.**Bukti 4** menunjukkan **projek FLP-GAPS disebar luas melalui Kunjungan Hormat ke pejabat Yang Berbahagia Ketua Menteri Sabah.**

Kunjungan hormat ini secara langsung melibatkan pihak kerajaan dalam projek komuniti UiTMCSH. Selain daripada itu, usaha berterusan juga dijalankan oleh pihak HEP dalam memastikan keterlibatan pelanggan pada setiap aktiviti/program yang telah diatur.

Dengan Lawatan Timbalan Menteri KPT. Ke Dapur HEP secara tidak langsung telah melibatkan banyak pelanggan UiTM. **Penglibatan pelajar terhadap Dapur HEP** meluas kepada semua pelajar UiTMCSH dimana ia tidak terhad kepada pelajar golongan B40 sahaja malah manfaat Dapur HEP diterima oleh seluruh pelajar UiTMCSH. **Bukti 5**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_T01\\_TB03\\_20241\\_Rekod data pelanggan.pdf](#)
2. [K0025\\_T01\\_TB03\\_20242\\_Kriteria 3 Peluasan Bukti 2 -.pdf](#)
3. [K0025\\_T01\\_TB03\\_20243\\_RANCANGAN TV RTM KAMI BAH NI.pdf](#)
4. [K0025\\_T01\\_TB03\\_20244\\_lawatan.pdf](#)
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Dalam usaha memastikan sesuatu projek bidang tumpuan dapat memberi kebaikan dan ganjaran kepada pelanggan. Projek – projek komuniti perlulah berjalan dengan baik dan lancar, **mekanisme pemantauan dan pelaporan diwujudkan**, bagi mengetahui status semasa perjalanan projek tersebut dan bagaimana manfaat projek tersebut sampai kepada kumpulan sasar.

Apabila projek berjalan dengan baik, maka pihak penaja dan rakan strategik juga tidak berasa ragu-ragu untuk terus memberi suntikan dana. Secara am setiap projek komuniti dan kesukarelaan dipantau melalui mekanisme pelaporan di mana setiap projek bidang tumpuan perlu melaporkan prestasi projek bidang tumpuan. Terdapat beberapa laporan yang perlu disediakan dan setiap laporan mempunyai fungsi tersendiri seperti pemantauan keberkesaan, objektif, kewangan, penambahbaikan dan **impak kepada pelanggan** contoh laporan ialah Prime, Community Engagement Registration, **Bukti 1** Laporan Program, **Bukti 2** dan Maklum balas pelanggan. **Bukti 3** Semua data dan laporan yang disediakan akan dianalisa dari sudut seperti keberkesaan, risiko dan penambahbaikan khususnya kepada **pelanggan** bidang tumpuan dan satu laporan terperinci dihasilkan iaitu **Laporan Piagam Pelanggan Universiti 4 (memberi khidmat bakti kepada komuniti,) Bukti 4**

di mana penilaian dan penambahbaikan akan dicadangkan dalam laporan tersebut berfokus kepada **pelanggan yang terlibat**. Seterusnya laporan ini akan dibincangkan secara terperinci di dalam mesyuarat MKSP untuk membincangkan cadangan penambahbaikan yang diberi. Hasil dari kajian perbincangan SAP (Strategik Action plan ) 3.4.2.5 berhasil untuk menyelesaikan dan menambah baik projek komuniti dan memberi manfaat kepada **pelanggan**. Pemantauan ini dapat memastikan **pelanggan mendapat kebaikan dan ganjaran dari pada projek yang dijalankan** UiTMCSH dapat dijaga.

Selain Pemantauan ini. Setiap projek komuniti dan kesukarelawan juga mempunyai mekanisme pemantauan tambahan direka khusus untuk projek tersebut. Sebagai contoh projek FLP-GAPS **Model Pemantauan** yang telah diguna pakai oleh pelaksana projek iaitu **memantau kemajuan (progress) projek FLP-GAPS** ini dan **milestone** yang telah diguna pakai untuk **tujuan pemantauan dan pelaporan** **Bukti 5**

Projek Dapur HEP juga mempunyai sistem pemantauan memastikan setiap pelajar akan mendapat sumbangan makanan yang diberi kepada mereka bukti. Setiap rekod jumlah sumbangan dalam bentuk Duit dan Juga Beras dicatatkan dan begitu juga jumlah agihan. Data ini disimpan dan dianalisa untuk membantu UiTMCSH merancangkan berapakah keperluan sumbangan yang perlukan pada masa hadapan

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20241\\_CE\\_2023\\_00770 - PROGRAM KARNIVAL STEM 2023 com.pdf](#)
2. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20242\\_LAPORAN KARNIVAL STEM 2023 com.pdf](#)
3. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20243\\_SOAL SELIDIK PESERTA FLP-GAPS com.pdf](#)
4. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20244\\_PELAPORAN MKSP KOMUNITI TAHUN 2023.pdf](#)
5. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20245\\_Timeline.pdf](#)

### **3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

**Kegagalan sesuatu projek komuniti** akan memberi kesan yang besar kepada **pelanggan** UiTMCSH. Kegagalan projek FLP-GAPS akan memberi kesan kepada Komuniti B40 yang mengharapkan manfaat daripada projek tersebut, selain tu pemberi dana juga akan terjejas disebabkan pulangan (ROI) tidak tercapai. Oleh itu PTJ dan pelaksana mengambil tindakan dengan menguruskan risiko yang mungkin akan berlaku Langkah pertama mengenal pasti risiko **Bukti 1.**, kemudian risiko dikelaskan kepada rendah **Bukti 2**, sederhana **Bukti 3** dan juga **Bukti 4** tinggi. Tindakan kawalan dan pencegahan risiko dikenal pasti supaya kesan risiko dapat dikecilkan ataupun dielak sama sekali. Pengurusan risiko adalah sangat penting untuk menjamin kesejahteraan pelanggan yang terlibat dalam projek komuniti dan kesukarelawan. Pelaksana projek FLP-GAPS telah mengambil langkah yang terperinci dalam pengurusan risiko projek tersebut kerana risiko yang dikenal pasti adalah khusus kepada projek tersebut, risiko umum ataupun generik tidak membantu dalam pengurusan projek komuniti kerana setiap projek komuniti adalah unik dan mempunyai operasi yang berbeza. Projek Dapur HEP mengambil pendekatan yang sama seperti FLP-GAPS dimana Risiko khusus kepada projek dikenal pasti **Bukti 5**. Kegagalan Projek Dapur HEP akan memberi kesan yang sangat besar kepada Pelajar golongan B40 kerana Dapur HEP merupakan talian hayat kepada mereka ketika mengalami masalah kewangan jika Dapur HEP tidak beroperasi akan ada pelajar yang berlapar.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20241\\_keseluruhan risiko.pdf](#)
2. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20242\\_risiko rendah.pdf](#)
3. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20243\\_risiko sederhana.pdf](#)
4. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20244\\_Risiko FLPGAPS tinggi.pdf](#)
5. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20245\\_Laporan Risiko Dapur HEP.pdf](#)

### **3.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Maklum balas pelanggan dan aduan pelanggan adalah sangat penting bagi menjayakan projek bidang tumpuan. Melalui maklum balas tersebut pemantauan kejayaan projek dan penambahbaikan dapat dilakukan. Setiap projek komuniti dan kesukarelawan diwajibkan untuk mendapatkan dan mengumpul maklum balas dari pelanggan yang terlibat kerana kejayaan sesuatu projek itu perlu diukur melalui ganjaran dan ilmu yang didapati oleh pelanggan tersebut. Cara yang berkesan untuk menentukan sama ada pelanggan mendapat manfaat dari projek tersebut ialah melalui maklum balas dan juga aduan. UiTMCSH mempunyai sistem untuk merekod aduan dan maklum balas daripada pelanggan di mana aduan dapat dilakukan secara atas talian, Sistem E- aduan UiTMCSH, email media sosial, peti aduan, telefon dan kaunter. **Bukti 1** Aduan tidak terhad kepada pelanggan dalam sahaja ia juga terbuka kepada pelanggan luaran UiTM seperti Alumni dan komuniti setempat. Pelanggan bidang tumpuan juga boleh secara terus membuat aduan dan memberi maklum balas terhadap projek komuniti dan kesukarelawan. Semua aduan dan maklum balas akan melalui proses kerja bermula dari terima aduan hingga tindakan pembetulan **Bukti 2**. Hasil penganalisisan akan di dokumentari dalam laporan Analisis Aduan dan Maklum Balas Pelanggan UiTMCSH. Laporan dan analisis ini di buat secara dua kali setahun bagi memastikan maklumat ini boleh dikongsikan kepada warga jabatan dengan lebih efisien.

Di peringkat pelaksana projek juga maklumat aduan dan maklum balas dijalankan. Di peringkat ini aduan dan maklum balas pelanggan lebih khusus kepada projek tersebut, perkara ini sangat penting kerana setiap projek komuniti adalah unik dan berbeza dengan adanya maklum balas seperti ini penambahbaikan dapat dilakukan secara terperinci dan tepat tanpa melangkau skop projek atau pun terlalu umum hingga tidak dapat membantu dalam proses penambahbaikan. contoh maklum balas peserta dan pelajar yang terlibat dalam projek FLP GAPS dan Dapur HEP bukti. Maklum balas dikaji oleh jawatankuasa projek komuniti dan hasil kajian penambahbaikan terhasil dan juga inovasi dalam operasi projek tercipta. di kaji dan penambahbaikan akan di buat **Bukti 3** menunjukkan **Tindakan Penambahbaikan Melalui Maklum balas Peserta FLP-GAPS . Maklum balas pelajar** pelaksana projek ambil maklum dan seterusnya menambahbaikkan **sistem Dapur HEP dengan mewujudkan inovasi sukarela dikalangan** dan kempen 1 staf 1 kampit beras **Bukti 4**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20241\\_Medium aduan dan Maklum balas.pdf](#)
2. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20242\\_1 - LAPORAN ANALISA ADUAN DAN MAKLUM BALAS PELANGGAN.pdf](#)
3. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20243\\_Kaji Semula \(ACT\) Bukti 4.pdf](#)
4. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20244\\_Dapur HEP.pdf](#)
- 5.

### **3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

UiTMCSH sentiasa mengutamakan kepentingan pelanggan seperti yang dinyatakan dengan jelas di dalam Piagam Pelanggan UiTMCSH dan Pendekatan Quintuple Helix-5R yang menitikberatkan Relation di antara semua subsistem selari dengan pelanggan bidang tumpuan di mana hubungan antara Universiti dan pelanggan seperti Komuniti, Alumni dan Pelajar perlu diperkuatkan. Kejayaan sesuatu projek komuniti dan kesukarelawan bukan saja bergantung kepada Universiti tetapi juga bergantung dengan usaha dan maklum balas dari pelanggan. Oleh itu pihak UiTMCSH di peringkat PTJ yang bertanggungjawab dalam hal bidang tumpuan iaitu PJIM&A dan HEP sentiasa menggalakkan budaya mendapatkan maklum balas dari pelanggan atau peserta selepas program. Perkara ini turut dinyatakan di dalam Garis Panduan Jaringan Komuniti, dimana UiTMSCH memastikan setiap program perlu dinilai dengan membuat penilaian menggunakan borang maklum balas. **Bukti.1** Selain itu UiTMCSH sabah juga menganjurkan taklimat kesedaran kepentingan aduan dan maklum balas kepada pelajar dan juga staf. Usaha ini penting untuk memupuk budaya membuat aduan dan melaksanakan pengambilan maklum balas di kalangan staf dan pelajar. **Bukti.2** Maklum balas pelanggan telah membantu menghasilkan inovasi dalam bidang tumpuan sebagai contoh Projek FLPGAPS telah berinovasi dari FLPGAPS mencipta produk Miracle Microorganism Formula bagi mengatasi masalah produk LAT yang terjejas akibat kematian LAT pada proses *moultling* pada kadar yang tinggi. Kesukaran pengusaha LAT mendapatkan produk dengan harga berpatutan dan bekalan berterusan kerana kebanyakannya produk seumpamanya ditawarkan di Semenanjung Malaysia. Justeru, setelah ujian formulasi dilakukan, maka berhasil kini produk yang dinamakan sebagai **Miracle Microorganisms Formula** yang bakal memanfaatkan lebih 150 - 300 orang pengusaha LAT piko, nano & mikro di Sabah/Borneo. Perkara yang sama turut berlaku di **Projek Dapur HEP** di mana Inovasi sistem **sukarelawan Dapur HEP** telah dihasilkan **Bukti 3**. Amalan mendapatkan maklum balas pelanggan dan mengkaji seterusnya menambahbaik telah di terapkan di setiap peringkat dalam universiti tidak kira di bahagian, unit, fakulti dan juga persatuan ini terbukti di mana peringkat persatuan pelajar juga mengamalkan langkah ini bukti. UiTMSCH yakin hasil kajian analisis maklum balas dapat membantu menambahbaik program – program komuniti yang akan dijalankan pada masa hadapan. Projek komuniti UiTMCSH bukan sahaja berlaku diperingkat UiTM sahaja malah ia juga memberi manfaat kepada Luar UiTM iaitu Sekolah Indonesia dimana Dapur HEP dikembangkan ke peringkat antara bangsa. **Bukti 4. Budaya yang kedua ialah** iaitu membina repo dan jalinan strategik/pintar (*white ocean strategy win-win situation*). Hubungan UiTMCSH dengan Alumni telah membantu dalam melestarikan projek-projek komuniti kerana UiTM dapat menggunakan kepakaran mereka dan juga mendapat suntikan dana selain itu hubungan baik UiTMCSH dengan staf juga membantu meneruskan projek komuniti jangka panjang seperti Dapur HEP di mana setiap bulan staf UiTMCSH akan menyumbangkan beras dan makanan ke Dapur HEP **Bukti 5**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_T01\\_TB05\\_20241\\_Borang\\_Maklum\\_Balas.pdf](#)
2. [K0025\\_T01\\_TB05\\_20242\\_SOAL SELIDIK PESERTA FLP-GAPS com.pdf](#)
3. [K0025\\_T01\\_TB05\\_20243\\_Dapur\\_HEP.pdf](#)
4. [K0025\\_T01\\_TB05\\_20244\\_laporan PROGRAM SUKARELAWAN\\_SULAM.pdf](#)
5. [K0025\\_T01\\_TB05\\_20245\\_Derma.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Untuk memastikan aktiviti-aktiviti yang berkaitan bidang tumpuan **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan** berjalan dengan lancar dan mencapai sasaran, UiTMCSH telah melaksanakan satu pelan yang rapi dan sistematik yang merangkumi 4 aspek utama iaitu **perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan**. UiTMCSH menyedari kepentingan sistem pengukuran dan analisis sesuatu pencapaian projek komuniti dan sukarelawan telah **mencadangkan** setiap projek komuniti dan kesukarelawan perlulah dipetakan kepada petunjuk prestasi PI dan perlu mendaftar MyRA Bintang dengan mendapat sekurang- kurangnya Satu bintang. PTJ yang bertanggungjawab perlu memastikan pengukuran ini dilaksanakan dimana pelaksana projek perlu melaporkan prestasi projek komuniti dan kesukarelawan di dalam sistem Prime. **Perancangan** yang dibuat menyumbang kepada pencapaian serta kejayaan setiap aktiviti yang dijalankan. Selain itu, melalui perancangan yang ini pihak UiTMCSH berjaya mengoptimumkan tenaga kerja dan sumber kewangan yang ada di dalam pelaksanaan setiap aktiviti. Di dalam aspek **pelaksanaan** bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, UiTMCSH melaksanakan setiap aktiviti berdasarkan ukuran petunjuk prestasi PI yang telah disediakan. **Pelaksanaan** setiap aktiviti mengikut ukuran petunjuk prestasi PI dapat memastikan bahawa segala isu yang timbul semasa pelaksanaan aktiviti dapat diatasi dengan berkesan di dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Sebagai tambahan, pelaksanaan yang berkesan telah menyumbang kepada pencapaian objektif yang telah ditetapkan oleh UiTMCSH. UiTMCSH menyedari bahawa langkah pemantauan perlu dijalankan secara berkala untuk memastikan bahawa pelaksanaan setiap aktiviti sentiasa berada di atas landasan yang telah ditetapkan. Oleh itu, proses **pemantauan** pencapaian bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan yang melibatkan pihak pengurusan tertinggi UiTMCSH, Unit Perancangan Strategik (UPS), Unit Kualiti dan PTJ dilaksanakan melalui tiga peringkat secara berkala. Selain itu, pihak UiTMCSH menyedari bahawa langkah-langkah **penambahbaikan** adalah penting untuk memastikan pencapaian serta pelaksanaan setiap aktiviti pada masa hadapan dapat dipertingkatkan untuk kebaikan semua pihak yang terlibat. Oleh itu, dengan mengambil kira pencapaian objektif serta isu-isu yang telah dihadapi semasa pelaksanaan projek, UiTMCSH telah mengadakan *post-mortem* untuk mendapatkan data-data yang boleh menyumbang kepada pencapaian yang lebih mantap di dalam setiap aktiviti yang akan dijalankan pada masa hadapan. Di dalam *post-mortem* yang telah dijalankan, aspek seperti keberkesanan aktiviti, kecekapan pengendalian dan pengurangan kos pelaksanaan adalah bagi tujuan penambahbaikan dalam pengendalian setiap aktiviti yang berkaitan dengan bidang tumpuan.

## **4.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Pencapaian setiap projek perlulah diukur prestasinya , Ini penting kerana Projek-projek komuniti dan kesukarelawan melibatkan banyak pihak berkepentingan seperti kerajaan, komuniti, pelajar, alumni, pemberi dana dan rakan strategik. Oleh itu tercapai atau tidak sesuatu objektif projek itu perlu dimaklumkan. Bagi menentukan projek itu berjaya atau tidak, satu sistem ukuran perlu dikenal pasti untuk mengukur prestasi projek. Untuk bidang tumpuan **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, UiTMCSH menggunakan** Petunjuk Prestasi (Performance Indicator/PI) yang relevan dan selaras dengan objektif utama Perancangan Strategik UiTMCSH. **Bukti**

**Petunjuk Prestasi** yang relevan adalah seperti berikut:

### **Alumni**

- a) PI080 – Sasaran untuk mencapai sebanyak 7 program perkhidmatan pakar alumni;

### **Komuniti**

- b) PI076 – Sasaran untuk mencapai 1 Program Pemindahan Ilmu;

### **Kesukarelawan**

- c) PI028 – Sasaran untuk mencapai 1 program Kesukarelawanan Antarabangsa melalui kolaborasi dengan industri yang dibiayai oleh geran di peringkat kebangsaan, antarabangsa dan geran atau pembiayaan industri dalam bentuk kewangan atau bentuk lain.

Petunjuk Prestasi yang dipilih berdasarkan laporan yang disediakan oleh PTJ laporan tersebut ialah Pelaporan MKSP Komuniti Tahun di mana laporan ini merekodkan pencapaian petunjuk prestasi tahun – tahun sebelum ini, analisis pencapaian dan punca tidak tercapai. Hasil dari data tersebut pancangan untuk menentukan ukuran yang sesuai akan dibincangkan. Laporan tersebut juga merekodkan cadangan penambahbaikan di mana ia akan di bincangkan secara terperinci dalam mesyuarat MKSP **Bukti**

UiTMCSH juga menggunakan ukuran (**Star rating**) **penarafan Bintang MyRA** iaitu berskala dari 1 bintang hingga 5 bintang bukti. dijadikan ukuran untuk memasukan projek komuniti tersebut dalam **Petunjuk Prestasi** **Bukti** Sasaran untuk Bintang MyRA ada setiap projek perlu sekurang-kurangnya mencapai 1 bintang. Langka ini adalah penting untuk menjamin setiap projek komuniti dan kesukarelawan mencapai kualiti yang di inginkan.

UiTMCSH memastikan setiap data dan maklumat setiap projek komuniti dan sukarelawan di rekod dengan efektif dan efisien di dalam sistem Smart dan Prime. Selain Sistem ini pelaksana projek juga mempunyai sistem simpanan data yang lain sebagai contoh FLP-GAPS dan Dapur HEP mempunyai simpanan QR Kod dan Google Drive bagi memudahkan data di akses dan menjamin keselamatan data.

Di Peringkat Projek Komuniti. Pelaksana Projek juga mempunyai ukuran prestasi tersendiri di

mana sasaran untuk Projek FLP-GAPS sebanyak 10 KPI yang perlu dicapai bermula dari tahun 2019 hingga 2025. KPI projek komuniti ni dapat membantu pelaksana mengukur pencapaian dan objektif projek tersebut

Data dan maklumat yang dikumpul berdasarkan daripada Petunjuk Prestasi dan sumber-sumber lain yang disenaraikan di atas mendorong kepada UiTMCSH untuk mengambil langkah penambahbaikan yang relevan dalam usaha untuk memastikan bidang tumpuan mencapai sasaran yang optimum dan seterusnya memberi sumbangan yang berterusan kepada komuniti dan industri.

**SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_A01\\_AB02\\_20241\\_Bukti 1 SAP2023.pdf](#)
2. [K0025\\_A01\\_AB02\\_20242\\_PELAPORAN MKSP KOMUNITI TAHUN 2023.pdf](#)
3. [K0025\\_A01\\_AB02\\_20243\\_Manual Libatsama Komuniti UiTM .pdf](#)
4. [K0025\\_A01\\_AB02\\_20244\\_KPI FLPGAPS.pdf](#)

### **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

UiTMCSH menggunakan kaedah **Deskriptif Analisis bukti dalam proses analisis data bidang tumpuan**, **Bukti 1** kaedah ini dilakukan dengan meneliti data yang di kumpul kemudian di kelaskan mengikut kategori untuk membantu memberikan pemahaman yang menyeluruh dan mengenal pasti corak dan arah aliran trend sesuatu data. Sebagai contoh jumlah projek yang dijalankan setiap tahun di UiTMCSH akan dikelaskan mengikut jenis Projek kepada projek komuniti atau kesukarelawan. Maklumat yang terhasil akan di petakan kepada ukuran petunjuk prestasi dan Bintang Myra. Proses ini penting kerana Petunjuk Prestasi mungkin di pegang oleh bahagian atau PTJ yang berbeza. Sebagai Contoh PI080 dan PI076 adalah untuk PJIM&A (projek komuniti) manakala PI028 untuk HEP (projek kesukarelawan. Analisis ini dilakukan dalam SAP2023 **Bukti 2**. Maklumat yang terhasil akan di petakan kepada ukuran petunjuk prestasi (PI) dan Bintang Myra. Jumlah Sebenar projek yang dijalankan akan dibandingkan dengan Sasaran. Jika jumlah projek yang memenuhi syarat ukuran Bintang Myra mencapai Sasaran maka PTJ berjaya mencapai Prestasi yang diinginkan. Analisis ini penting untuk membantu UiTMCSH membuat keputusan dan merancang penambahbaikan untuk bidang tumpuan. Hasil analisis akan dibincangkan dan disebarluaskan kepada semua PTJ dan keseluruhan Sistem UiTMCSH yang berkaitan dengan bidang tumpuan melalui laporan piagam pelanggan, SAP2023 dan Mesyuarat MKSP. PTJ akan merekod data setiap 3 bulan sekali, data ini akan dikaji dan dilaporkan di dalam laporan Pelaporan MKSP Komuniti Tahun 2023 mengikut sukuan tahun. Jika petunjuk prestasi tidak lagi tercapai pada sukuan tahun tersebut punca dan cadangan perlu dinyatakan dan dibincangkan bagi memastikan sasaran dicapaikan. **Bukti 3**. Di peringkat projek FLPGAPS kaedah yang sama digunakan dalam pengukuran penilaian data. Kekerapan data akan dikumpul setiap 3 bulan dan hasil analisa akan dilaporkan disemak kepada KPI projek Tersebut **Bukti 4. Dapur HEP** Menganalisis borang maklum balas pelangan dan membuat tren data untuk sumbangan. **Bukti 5**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_A01\\_AB03\\_20241\\_Bukti 1 DA.pdf](#)
2. [K0025\\_A01\\_AB03\\_20242\\_SAP2023.pdf](#)
3. [K0025\\_A01\\_AB03\\_20243\\_PELAPORAN MKSP KOMUNITI TAHUN 2023.pdf](#)
4. [K0025\\_A01\\_AB03\\_20244\\_FLPGAPS Data Analysis.pdf](#)
5. [K0025\\_A01\\_AB03\\_20245\\_Data Dapur Hep.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Hasil daripada analisa data akan dilaporkan di dalam **Pelaporan MKSP Komuniti Tahun 2023** **Bukti 1** mengikut sukuan tahunan akan dijadikan sebagai instrumen untuk pemantauan. Mekanisme ini sangat berkesan kerana data akan **dianalisis setiap 3 bulan** dan pencapaian petunjuk prestasi akan dibentangkan dalam bentuk tren analisis di dalam mesyuarat MKSP. Melalui data yang dianalisis pencapaian prestasi semasa dapat diketahui, sebagai contoh pada laporan sukuan PI080 belum tercapai, penyelaras yang menyediakan laporan perlu memaklumkan sebab-sebab tidak tercapai dan tindakan apa yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut. Disampingi itu penyelaras akan memberikan cadangan **penambahbaikan di masa hadapan**. Penyelaras transformasi universiti yang menyediakan laporan akan membentangkan hasil analisis di mana laporan ini akan digunakan sebagai mekanisme pemantauan prestasi bidang tumpuan oleh UiTMCSH. **Bukti 2**. Selain itu, UiTMCSH akan menggunakan hasil analisa tersebut untuk membuat perkongsian maklumat melalui **Pelaporan Pencapaian Prestasi Universiti setiap sukuan**. Pelaporan Pencapaian Prestasi setiap tiga bulan ini membentangkan pencapaian petunjuk prestasi item ukuran di peringkat kampus UiTMCSH di **Sesi Mesyuarat Pembentangan Pelaporan Pencapaian Prestasi Universiti** **Bukti 3** bagi membincangkan analisis pencapaian, strategi intervensi bagi petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran dan strategi bagi petunjuk prestasi yang mencapai sasaran. **Bukti 4. Hasil perbincangan** akan disebar luaskan kepada seluruh warga UiTMCSH melalui email **Bukti 5**

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20241\\_PELAPORAN MKSP KOMUNITI TAHUN 2023.pdf](#)
2. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20242\\_Pembentangan di MKSP.pdf](#)
3. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20243\\_Sesi Mesyuarat Pembentangan PI.pdf](#)
4. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20244\\_Lporan Pencapaian PI.pdf](#)
5. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20245\\_Email Laporan.pdf](#)

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

UiTMCSH mengambil berat terhadap pengurusan risiko maklumat dan data bidang tumpuan. Pengurusan dan penyimpanan data yang **tidak sistematis** boleh mengundang kepada risiko kehilangan data, kesilapan data, kebocoran data, ketirisan data dan risiko data tidak lengkap. Semua Risiko ini berpunca dari satu masalah iaitu pengurusan data dan rekod. Berdasarkan panduan pengurusan risiko UiTM, risiko ini di kategorikan sebagai operasi dan berada di kumpulan teknologi. Bukti 4.4.2.1

Pengurusan data dan maklumat risiko yang boleh menyebabkan kegagalan pelaksanaan bidang tumpuan data yang **tidak sahih atau tidak lengkap** boleh menyebabkan keputusan analisis salah dan tidak boleh digunakan untuk penambahbaikan projek komuniti dan kesukarelawan. Risiko ini akan membawa kepada risiko yang lain iaitu **kegagalan untuk menyediakan analisis** yang tepat dan menyeluruh yang berpunca daripada kelewatan penyediaan laporan pencapaian.

UiTMCSH mengambil pendekatan untuk mencegah risiko ketirisan dan kebocoran maklumat dan data yang disimpan dengan memastikan setiap staf termasuk pelaksana projek yang terlibat mengisi **Borang Akta Kerahsiaan** ini bagi memastikan kebocoran data UiTMCSH dan pelanggan dapat dielakkan. Seterusnya UiTMCSH mengambil pendekatan melalih semua staf bidang tumpuan yang bertanggungjawab untuk menyimpan dokumen rahsia dalam pengurusan rekod dan penyelenggaraan kerahsiaan fail dan dokumen berdasarkan **Garis Panduan Pengurusan Dokumen Berperingkat, Dasar Pengurusan Rekod Universiti Teknologi MARA** serta **Dasar Pengurusan Maklumat Rasmi UiTM**. Bagi dokumen dalam bentuk *softcopy* pula, beberapa polisi berkaitan kerahsiaan dipatuhi untuk memastikan tiada kebocoran yang berlaku (Bukti 4.4.2.2, 4.4.2.3, 4.4.2.4, dan 4.4.2.5). Bagi risiko kelewatan atau kegagalan laporan pencapaian pula, risiko ini dapat diatasi dengan wujudnya pemantauan berkala dari pihak pengurusan melalui MKSP dan JKEN.

Di peringkat pelaksana projek seperti FLP-GAPS dan Dapur HEP setiap data projek akan direkodkan di dalam sistem Prime dan Smart akan disemak oleh penyelaras bagi memastikan data di kumpul mencukupi dan terjaga

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20241\\_Bukti 4.4.2.1.pdf](#)
2. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20242\\_Bukti 4.4.2.2.pdf](#)
3. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20243\\_Bukti 3.pdf](#)
4. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20244\\_bukti 4.pdf](#)
5. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20245\\_bukti 5.pdf](#)

#### **4.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Petunjuk Prestasi yang dipilih berdasarkan laporan yang disediakan oleh PTJ laporan tersebut ialah Pelaporan MKSP Komuniti Tahun **Bukti 1** di mana laporan ini merekodkan pencapaian petunjuk prestasi tahun – tahun sebelum ini, analisis pencapaian dan punca tidak tercapai. Hasil dari data tersebut pancangan untuk menentukan ukuran yang sesuai akan dibincangkan. Laporan tersebut juga merekodkan **sebab-sebab tidak tercapai, cadangan penambahbaikan** di mana ia akan di bincangkan secara terperinci dalam mesyuarat MKSP. Selain itu hasil analisis data bidang tumpuan juga akan digunakan untuk membentuk Strategik Action Plan (SAP 2023) **Bukti 2** di mana penambahbaikan untuk setiap projek komuniti akan dibincangkan termasuk risiko kegagalan sesuatu projek

Maklumat data yang telah dianalisis juga digunakan oleh kepimpinan tinggi UiTMCSH di dalam Mesyuarat pembentangan pelaporan Pencapaian Prestasi Universiti di dalam Mesyuarat tersebut setiap PI bidang tumpuan akan membincangkan analisis pencapaian, strategi intervensi bagi petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran dan strategi bagi petunjuk prestasi yang mencapai sasaran. **Bukti 3**

Penambahbaikan di peringkat projek komuniti juga berlaku sebagai contoh data analisa FLP-GAPS digunakan untuk menghasilkan *Food Supplement LAT (Mircale Organisms Formula)* di mana *Food Supplement*. **Bukti 4** ini dapat membantu mengurangkan risiko kematian LAT (Udang Kara Air Tawar). Di samping itu Dapur HEP juga mendapat melalukan penambahbaikan dalam memastikan jumlah sumbangan beras sentiasa cukup dimana kempen satu staf satu kampit diperkenalkan, dan untuk mengatasi masalah pekerja menguruskan masakan nasi di Dapur HEP sistem kesukarelawan diperkenalkan semua penambahbaikan di catatkan di **Pelaporan Pelaksanaan Inisiatif Dapur Hep Bagi Tahun 2023 Bhep. Bukti 5**. Semua penambahbaikan ini tidak mungkin berlaku jika PTJ dan Pelaksana projek tidak membuat pengumpulan dan analisis data dan maklum balas dari pelanggan. Kesimpulannya Data pengukuran dan analisis adalah penting kerana ia membantu dalam penambahbaikan. Sukar untuk melakukan penambahbaikan tanpa data analisis kerana keberkesanan penambahbaikan kurang maklumat.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20241\\_PELAPORAN MKSP KOMUNITI TAHUN 2023.pdf](#)
2. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20242\\_SAP2023.pdf](#)
3. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20243\\_Sesi Mesyuarat Pembentangan PI.pdf](#)
4. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20244\\_Miracale Organisms Formula.pdf](#)
5. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20245\\_PELAPORAN PELAKSANAAN INISIATIF DAPUR HEP BAGI TAHUN 2023 BHEP .pdf](#)

#### **4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Projek -projek bidang tumpuan seperti komuniti dan kesukarelawan telah menghasilkan budaya penambahbaikan berterusan dalam menjalankan operasi. Budaya merekod data sekunder dan juga data primer melalui pengumpulan data dan maklum balas telah memberi kesan yang besar kepada proses penambahbaikan berterusan. Sebagai contoh data- data maklum balas dari pelanggan telah membantu pelaksana Dapur HEP membuat **Pelaksanaan Inisiatif Dapur Hep** **Bukti 1** yang sangat terperinci dan dijadikan sebagai rujukan kepada kampus lain dalam penyediaan Dapur HEP di kampus masing-masing **Bukti 2**. Selain kampus cawangan UiTM, lawatan penanda aras dari Universiti luar **Bukti 3** dan juga sekolah antarabangsa **Bukti 4** turut serta mempelajari operasi dapur HEP. **Inisiatif Dapur Hep terhasil kerana budaya menganalisis data telah membantu** pelaksana Dapur HEP untuk melihat ruang kelemahan yang boleh diperbaiki. Tanpa Data yang disimpan, analisis data tidak dapat dijalankan dan penambahbaikan yang berkesan tidak dapat dilaksanakan. Selain itu, budaya analisis data telah menghasilkan penerbitan ilmu dalam kajian projek FLP-GAPS semua ilmu dan kajian selama menjalani projek tersebut telah diterbitkan dalam Proceedings Borneo Internasional Islamic Conference. **Bukti 3**. Kejayaan dua projek ini telah membuktikan bahawa selain membantu pelanggan-pelanggan UiTMCSH, penemuan ilmu dalam bentuk kajian juga dapat dihasilkan, ini merupakan budaya yang sangat positif kerana ia dapat meningkatkan motivasi Staf UiTM terutamanya staf akademik untuk turut serta dalam projek komuniti kerana peluang penerbitan sangat tinggi.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_A01\\_AB05\\_20241\\_PELAPORAN PELAKSANAAN INISIATIF DAPUR HEP BAGI TAHUN 2023 BHEP.pdf](#)
2. [K0025\\_A01\\_AB05\\_20242\\_PERMOHONAN MENGADAKAN PROGRAM LAWATAN PENANDA ARAS KE KOLEJ KEDIAMAN KAMPUS KOTA KINABALU, UITM CAWANGAN SABAH.pdf](#)
3. [K0025\\_A01\\_AB05\\_20243\\_LAWATAN PENANDA ARAS UMT KE DAPUR HEP.pdf](#)
4. [K0025\\_A01\\_AB05\\_20244\\_laporan PROGRAM SUKARELAWAN\\_SULAM.pdf](#)
5. [K0025\\_A01\\_AB05\\_20245\\_\(K031\) HENDRY JOSEPH-Uitm SABAH.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTM Cawangan Sabah memastikan keperluan dan pengisian tenaga kerja yang menerajui organisasi mampu memanifestasikan misi, visi dan matlamat organisasi seiring dengan keperluan organisasi. Sumber Manusia merupakan aset organisasi di dalam memastikan kelancaran, perkembangan dan kejayaan sesebuah organisasi. Sumber Manusia yang efisien bermula dengan perancangan sumber manusia yang optimum berdasarkan tadbir urus yang mantap sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan Pelan Strategik UiTM. Pengurusan Sumber Manusia di UiTM Cawangan Sabah digariskan mengikut peraturan dan polisi berkuatkuasa demi memastikan penyampaian perkhidmatan dapat disampaikan kepada pemegang taruh.

Justeru itu, UiTM Cawangan Sabah telah membuat perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan dalam memastikan sumber manusia menjadi modal insan yang kompeten, berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai tingkah laku positif bagi membolehkan mereka menyumbang secara optimal dalam mencapai visi, misi dan objektif organisasi. Selain itu juga, pengurusan audit perjawatan, pemantauan dan pengurusan risiko yang berkesan telah dilaksanakan bagi memastikan objektif perancangan tidak tersasar. UiTM Cawangan Sabah juga sentiasa menitik beratkan proses penambahbaikan serta menerapkan nilai-nilai murni di kalangan warga kampus. UiTM Cawangan Sabah melalui Pengurusan Sumber Manusia Tangkas menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan menfokuskan kepada dua program utama iaitu program Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) Bimbingan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTM Cawangan Sabah dan program Dapur BHEp, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP).

## **5.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Pengurusan Sumber Manusia merupakan nadi penggerak dalam kecemerlangan bakat. UiTM Cawangan Sabah fokus kepada peningkatan kompetensi global sejajar dengan aspirasi UiTM GRU2025 Globally Renowned University dan mendokong sepenuhnya hala tuju universiti melalui UiTM 2025 Strategic Plan Unleashing Potential Shaping the Future melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Kecemerlangan Global dan Tadbir Urus yang mantap serta tenaga kerja yang berprestasi tinggi merupakan dua dimensi di dalam empat komponen sistem sokongan RMK11 UiTM yang menjadi fokus utama UiTM Cawangan Sabah bagi mencapai Visi dan Misi UiTM hingga 2025. Hala tuju kecemerlangan menjayakan UiTM Cawangan Sabah melalui Pengurusan Sumber Manusia Tangkas menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan menfokuskan kepada dua program utama iaitu program (FLP-GAPS) Bimbingan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTM Cawangan Sabah dan program Dapur BHEP, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) didukung prestasi berorientasikan nilai dengan pemetaan nilai I-DART dan ESI dikalangan warga UiTM Cawangan Sabah.

Perancangan Strategik Sumber Manusia bermula dengan data dan maklumat warga UiTM Cawangan Sabah sedia ada dengan mengambil elemen penilaian dan penambahbaikan melalui Audit Kendiri dan analisa Job Description (JD). Mengambil kira elemen inovasi dalam penambahbaikan proses kerja dari manual kepada sistem serta perkongsian pengetahuan melalui siri latihan Kasi Up Bah Skill Mu – meningkatkan kompentensi sedia ada staf. Kaedah pengurusan sumber manusia ini selaras dengan keperluan sebenar menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan.

### **Rajah 5.2.2 Audit Kendiri dan analisa Job Description (JD)**

### **Rajah 5.2.3 Kasi Up Bah Skill Mu – Siri Latihan**

Melalui kaedah pengurusan sumber manusia, mengenalpasti sumber sedia ada, melihat keperluan semasa dan perancangan masa depan, mengenalpasti keperluan sebenar, menyusun kerja dan sumber manusia, penjadualan dan pengambilan sumber manusia. Perkembangan tenaga kerja dan modal insan dalam projek ini memperlihatkan pertambahan sumber tenaga bersama sukarelawan (warga UiTM – pelajar dan staf, serta pemegangtaruh) dan komuniti setempat (keutamaan golongan B40) serta peluasan skop kerja dalam sumber manusia.

### **Jadual 5.2.4 Perincian Tenaga Kerja Untuk Kedua Dua Projek**

Setiap tahun UiTM Cawangan Sabah memberi penghargaan dan pengiktirafan yang dinilai melalui prestasi individu, kumpulan atau PTJ. Ia mampu mengukuhkan kecemerlangan bakat, meningkatkan motivasi serta prestasi dan budaya kerja khususnya menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Penghargaan bersama komuniti, direalisasikan melalui penghargaan staf di Majlis Makan Malam Penghargaan, pengiktiran dan penghargaan (sebagai contoh - Anugerah MeTIC 11/2022 Juara Anugerah Jaringan Komuniti Kategori Penjanaan Dana Terbaik). Melalui integrasi digital, kejayaan warga UiTM Cawangan Sabah melalui Pengurusan Sumber Manusia Tangkas bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan dirancang dengan jelas, berdasarkan data dan maklumat tepat serta penilaian dan penambahbaikan yang berterusan. Inovasi ini di cakna ke peringkat antarabangsa melalui perkongsian pengetahuan bersama Sakura Science Exchange Program, Tokyo dan Sekolah Indonesia Jaringan Operasi Khidmat Masyarakat SULAM bagi Projek Dapur

DPER.

**SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_S01\\_SB02\\_20241\\_Bukti 1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### **5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Pengurusan Sumber Manusia UiTM Cawangan Sabah, mengoptimakan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan Pengurusan kampus telah memetakan teras strategik sumber manusia menggunakan kaedah pengurusan strategik SWOT analisis bagi mengenal pasti keupayaan kelebihan, kekurangan, peluang dan halangan bagi membantu pengurusan kampus mengenal pasti tindakan keberkesanan pengurusan seperti rajah 5.3.1.

Pengurusan UiTM Cawangan Sabah telah bersidang di Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Mausia (PPSM) dalam memperaku dan meluluskan Pembentangan Kertas Kerja, Pengurusan Latihan, Pembiayaan Yuran Penyertaan dan Pendaftaran Keahlian Profesional menggunakan peruntukan tabung latihan UiTM Cawangan Sabah dalam memastikan kejayaan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Seterusnya pelaksanaan di peringkat bahagian, unit dan meluas kepada keseluruhan PTJ. Pelaksanaan model inovasi, Dapur BHEP ini juga turut digunakan ke seluruh sistem UiTM seMalaysia dan IPTA di Malaysia.

Berikut merupakan kelayakan, kepakaran dan keahlian staf yang terlibat dalam menjayakan UiTM Cawangan Sabah melalui Pengurusan Sumber Manusia Tangkas menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan menfokuskan kepada dua program utama iaitu program Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) Bimbingan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTM Cawangan Sabah (Rajah 5.3.2)

Ketangkasan Pengurusan Sumber Manusia diperkasa dengan kemajuan teknologi dan pengurusan sistem yang teratur. Sistem Pengurusan Sumber Manusia bukan lagi menjadi pilihan tetapi suatu keperluan asas bagi memastikan kelancaran dan kejayaan sesebuah organisasi khususnya UiTM Cawangan Sabah bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan.

Melalui program Dapur BHEP, bermula dengan sesi transfer knowledge dari Staf Residen Kolej kepada para pelajar, seterusnya kursus /latihan yang dirancang untuk menambah nilai kompentensi sukarelawan dari masa ke semasa. Sukarelawan telah menjalani latihan memasak, kursus pengenalian makanan, bagi pengoperasian dan pengotimuman kepakaran dan pengalaman sumber manusia ini menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan.

Pihak Pengurusan UiTM Cawangan Sabah sentiasa ke hadapan di dalam memastikan setiap perancangan program/aktiviti adalah sepadan dengan kelebihan, kepakaran mahupun pengalaman staf berkenaan. Melalui pemilihan sumber manusia telah diperhalusi mengikut bidang kepakaran dan pengetahuan ahli akademik/staf pentadbiran. Pendekatan ini penting di dalam memastikan program/aktiviti yang dirancang akan dilaksanakan dengan cemerlang. Mekanisme ini didokong dengan sistem inventori kepakaran staf yang telah diselaraskan oleh bahagian terlibat. (Rajah 5.3.4)

Program Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) Bimbingan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTM Cawangan Sabah adalah melibatkan 4 orang pensyarah dari Fakulti Pengurusan Dan Perniagaan, Fakulti Perakaunan dan Fakulti Perladangan & Agroteknologi. Projek ini bernilai RM3.5 juta dan telah menyumbang sebanyak RM 30,000 pada fasa 1 kepada UiTM Cawangan Sabah. Aktiviti penjanaan dan penjimatkan projek boleh dilihat berdasarkan jadual 3 seperti berikut:- (Rajah 5.3.5)

Pengurusan Sumber Manusia yang etisen telah membantu di dalam kejayaan UiTM Cawangan Sabah menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan dengan pembentangan penerbitan dan perjanjian telah dimenterai bersama Springer Nature Singapore Pte Ltd. Kejayaan ini seterusnya menaikkan nama UiTM ke peringkat internasional dan khususnya nama UiTM Cawangan Sabah di mata dunia (rajah 5.3.5).

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_S01\\_SB03\\_20241\\_5.3.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Kepuasan hati pelanggan dan aduan sumber manusia terhadap persekitaran sistem kerja adalah salah satu aspek penting yang menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Pemantauan di peringkat awal melalui mekanisme yang bersesuaian bagi memastikan keadaan dan tempat projek FLP-GAPS kekal terjaga dan terkawal, penggiliran bekerja diwujudkan di mana petugas akan bekerja secara bergilir setiap hari. Jadual bekerja disediakan oleh penyelia kawasan. Jika pekerja mengalami masalah kesihatan atau MC (Medical Certificate), akan diganti oleh petugas lain. Begitu juga dengan penyelia, jika penyelia tersebut mengalami masalah kesihatan atau MC (Medical Certificate), akan diganti oleh penyelia dari kawasan lain. Setiap penyelia akan membuat laporan kepada CEO menerusi aplikasi Whatsapp. Selain daripada itu, bagi memastikan projek ini sentiasa kekal bertahan, lawatan secara berkala ke hatcheri juga dilaksanakan oleh SIG Pelaksana. Bukan itu sahaja, mesyuarat secara bersiri juga telah dijalankan. Sehubungan dengan itu, pemberi dana iaitu TERAJU memohon agar 3 siri mesyuarat diadakan. Mesyuarat siri 1 ialah Project Implementation Committee yang dihadiri oleh SIG pelaksana, Pengurus dan Penyelia. Manakala mesyuarat siri 2 ialah Project Steering Committee yang terdiri daripada pihak Pengurusan UiTM Sabah dan SIG Pelaksana. Dalam siri 2 ini pihak TERAJU boleh dipanggil untuk turut serta menghadiri mesyuarat. Dan mesyuarat siri 3 ialah Project Steering Committee yang dipengerusikan oleh CEO TERAJU dan UiTMCSH diwakili oleh Rektor dan dihadiri oleh SIG Pelaksana. Melalui aktiviti ini, ia merupakan salah satu aktiviti meningkatkan Happiness Index Staff melalui jamuan dan mesyuarat di mana staf dapat berinteraksi secara dua hala dan berkesan. Selain itu, melalui pemantauan projek berdasarkan pelaporan kepada pihak TERAJU dan UiTM Cawangan Sabah melalui mesyuarat JKEN. Hasil pemantauan digunakan untuk kaji semula pengurusan dan penambahbaikan proses kerja.

**Rajah 5.4.1.1: Ringkasan Pelaporan Pemantauan Projek menjayakan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan bersama program Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) Bimbingan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTM Cawangan Sabah**

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20241\\_5.4.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

#### **5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

UiTM Cawangan Sabah berusaha mengenalpasti risiko bagi memastikan kejayaan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Risiko ini dikenalpasti, punca risiko dan menyatakan risiko, perancangan kawalan risiko dan merancang tindakan pencegahan dan penambahbaikan. Pengurusan risiko dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Bagi mengatasi kategori risiko tahap rendah, antara pelan tindakan yang diambil adalah pemasangan CCTV dan Lampu Limpah (Spotlight), menempatkan Penyelia di setiap tapak dan pemberian latihan kepada peserta dan penyelia tapak projek. (Rajah 5.4.1- Rajah 5.4.1.4)

Rajah 5.4.2.1: Pengurusan Risiko – Proses Analisa Risiko Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS)

Ketua Menteri Sabah Ke Daerah Tuaran pada 21 Ogos 2021 YAB Datuk Sri Panglima Hajiji Haji Noor, Ketua Menteri Sabah telah mengadakan lawatan kerja ke Tapak Projek Freshwater Lobster Production-Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) di Kampung Shahbandar,Tuaran. Program lawatan ke FLP-GAPS adalah usahasama antara TERAJU dan dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara Sabah (UiTM) dibawah program Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB). Penternakan air tawar mensasarkan golongan B40 terdiri daripada graduan, pesara, penganggur dan wanita.

Program ini berpotensi membuka peluang pekerjaan dan penjanaan pendapatan kepada komuniti. Melalui UiTM Cawangan Sabah melalui Pengurusan Sumber Manusia Tangkas menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan berjaya melahirkan peluang pekerjaan kepada graduan dan masyarakat etempat di mana peserta yang terlibat diberikan panduan dan latihan secara terperinci mengenai pertenakan udang kara dari tenaga pengajar yang pakar. Kepakaran Pensyarah UiTM Cawangan Sabah sebagai penasihat (Consultant) untuk melaksanakan projek berkelompok. Kini terdapat enam kampung terlibat dan setiap kampung ada lima orang wakil sebagai peserta.

Bagi Projek Dapur BHEP, pengurusan risiko fokus kepada mengenal pasti risiko seperti kehilangan peralatan, stok beras dan sumber manusia (sukarelawan) yang terhad pada mulanya. Setelah mengenalpasti punca risiko, perancangan kawalan risikodan tindakan pencegahan mula dilaksanakan bagi menambahbaik proses kerja.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20241\\_5.4.2.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

#### **5.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Selain daripada pemantauan berterusan yang dijalankan oleh pengurusan, pengurusan risiko menjadi salah satu aspek penting yang perlu diberikan perhatian demi memastikan kualiti kepuasan hati sumber manusia dapat diatasi dengan sistematik dan berhemah. Adalah menjadi keutamaan pengurusan untuk memastikan penambahbaikan dan pemantapan sistem pengurusan risiko yang berkesan dan mendepani isu-isu berkaitan dengan persekitaran kerja yang kondusif bagi memastikan kejayaan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Selain mengenalpasti data maklumat, ia dikumpul, di analisa dan hasil penganalisaan diambil tindakan dengan efisyen dan efektif. Seterusnya tindakan hasil analisa tersebut dikongsikan kepada warga jabatan.

Antara tindakan penambahbaikan untuk pengurusan risiko adalah Penempatan Tangki Biru Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) bagi pengurusan lean budget dan penyeliaan berkesan. Selain itu, penambahbaikan Green Stand for Organic, Islamic, Recycled Resources and Environmentally Friendly merupakan inisiatif proaktif bagi memastikan kejayaan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan bersama program Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) Bimbingan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTM Cawangan Sabah. Berikut merupakan penempatan tangki biru dan rajah green stand (Rajah 5.4.3.1 – Rajah 5.4.3.2)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20241\\_5.4.3.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Melalui kejayaan dalam UiTM Cawangan Sabah melalui Pengurusan Sumber Manusia Tangkas bermula dengan cadangan pembudayaan di peringkat kampus, amalan dan pembudayaan di bahagian serta PTJ, keseluruhan PTJ, seterusnya kepada UiTM semalaysia dan kemudian di luar UiTM. Melalui pembudayaan terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan ini, ia telah menghasilkan pemindahan ilmu kepada pelajar latihan industri , peserta dan komuniti yang terlibat sama dalam projek ini. Antara yang terlibat adalah pelajar Diploma Perladangan dan Agroteknologi, Pelajar Sarjana Penyelidikan, agensi kerajaan (SLDB), IPT (Kolej Vokasional Lahad Datu), komuniti setempat, dan sataf UiTM Cawangan Sabah. Pembudayaan yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan melalui UiTM Cawangan Sabah melalui Pengurusan Sumber Manusia Tangkas menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan telah menghasilkan MTLAT (mini Inkubator Ternakan LAT) di Unit Ladang dan pemindahan teknologi dati konsultan ke supervisor, peserta, pelaksana dan komuniti. Pembinaan dan pelaksanaan Pusat Pentadbiran FLP-GAPS untuk tujuan pentadbiran dan latihan juga terhasil kesan dari kejayaan UiTM Cawangan Sabah melalui Pengurusan Sumber Manusia Tangkas menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (FLP-G(Rajah 5.5.1 – Rajah 5.5.5)

### **Rajah 5.5.1: Pusat Pentadbiran FLP-GAPS.**

Selain itu, pensyarah yang terlibat telah membentangkan hasil penyelidikan di *International Meliponine Conference and Asian Aoicuktural Association Philippines Symposium on Pollinator of the Philippines, Los Banos* pada 25-28 Februari 2021.

**Rajah 5.5.2.1: Berikut merupakan integrasi yang telah dilaksanakan melalui Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan bersama program Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) bimbingan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTMCSH**

**Rajah 5.5.5: Berikut merupakan antara rakan jaringan yang telah mendapat manfaat melalui Jaringan Industri dan Keusahawanan bersama program Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) Bimbingan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTM Cawangan Sabah**

Kejayaan bidang tumpuan bersama projek FLP-GAPS adalah melalui kerjasama di bawah konsep Strategi Lautan Putih (White Ocean Strategy) di mana situasi menang-menang dijadikan teras sinergi di antara pemegang taruh. Di samping Strategi Lautan Putih, Usahasama Islamik Mudharabah-Wakalah (UIMW) diperkenalkan bagi mewujudkan sebuah konsensi Special Purpose Vehicle (SPV) untuk memastikan kelangsungan projek diteruskan di bawah pengaktifan Koperasi Pembangunan Komuniti Usahawan Lobster Sabah (KoPKULS). UiTMCSH melalui Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM) sentiasa menyediakan peluang dan ruang kepada staf/pelajar untuk menghadiri latihan/kursus bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Selain itu, Dapur BHEP juga menjadi contoh kepada IPTA dan UiTM Kampus lain.

Amalan terbaik adalah satu proses yang biasa dilakukan secara berterusan sehingga ianya akan menjadi ikutan kepada individu/organisasi yang secara langsung atau tidak langsung akan

memberikan kebaikan. Dalam pada itu, dengan kepelbagaiannya pengalaman/kepakaran, pihak pengurusan sangat terbuka dan menggalakkan siri perkongsian ilmu yang memberi manfaat kepada komuniti setempat di peringkat bahagian/unit dilaksanakan secara konsisten melalui bidang tumpuan. Secara tidak langsung, sesi ini akan mampu mencetuskan inspirasi kepada individu/kumpulan/komuniti.

Dalam menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan UiTMCSH telah mengambil langkah proaktif melalui pengurusan teknologi dan digital sejajar dengan perkembangan sistem maklumat dan tenaga kerja tangkas. Antara inovasi yang terhasil adalah peralihan sistem manual kepada automasi merangkumi medium penyebaran maklumat dan informasi, penyampaian perkhidmatan dan penghargaan serta pengiktirafan sumber manusia di UiTMCSH.

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_S01\\_SB05\\_20241\\_5.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCSH sentiasa berusaha dalam mewujudkan hubungan baik bersama alumni dan komuniti setempat serta memastikan aktiviti kesukarelawan diutamakan. UiTMCSH memberi tumpuan yang penuh pada bahagian operasi bidang tumpuan, bagi memastikan operasi bidang tumpuan sentiasa berjalan dengan efisien dan efektif.

Bagi memastikan UiTMCSH dapat memastikan libat urus bersama alumni dan komuniti setempat dapat dilaksanakan dengan baik. UiTMCSH telah merancang proses mengesan alumni dengan menggunakan aplikasi MYAlumni UiTM yang dibangunkan dan dikendalikan oleh Jabatan Infostruktur. Mengesan dan melibatkan alumni dalam pelan strategik UiTMCSH adalah sangat penting kerana alumni memainkan peranan yang penting untuk membantu UiTMCSH mencapai objektif seperti projek promosi kemasukan pelajar baharu, pembangunan akademik melalui sumbangan tunai mahupun tenaga pakar.

Perancangan UiTMCSH untuk projek komuniti dan kesukarelawan ialah memastikan semua projek komuniti dan kesukarelawan mengikut garis panduan yang telah disediakan oleh UiTM. Di samping itu setiap data dan informasi berkaitan perlulah direkodkan ke dalam sistem PRIME bagi memastikan setiap projek Komuniti dan Kesukarelawan dirancang dan dipantau.

Projek kesukarelawanan dan komuniti adalah satu peluang bagi UiTMCSH untuk membantu komuniti yang berada di luar kampus, UiTMCSH akan menggunakan sumber manusia dan kepakaran yang ada untuk menjayakan program kesukarelawan kepada komuniti yang memerlukan.

Hasil daripada perancangan yang telah disediakan, UiTMCSH telah melakukan pelaksanaan bagi menjalankan proses menjelaki, mengenal pasti dan mendapatkan sumbangan dari segi kewangan, kepakaran dan khidmat kemanusiaan daripada alumni. UiTMCSH juga membentuk kesepakatan bersama komuniti sasaran melalui program-program bermanfaat, menjalankan aktiviti kesukarelawan bagi khidmat bakti bersama komuniti sasaran.

UiTMCSH telah melakukan usaha pemantauan secara berkala bagi tujuan menambah baik pengurusan UiTMCSH terhadap pelaksanaan program-program dan inisiatif yang dirancang.

Pemantauan juga dilakukan bagi memastikan kelestarian program dan pencapaiannya sejajar dengan objektif Pelan Strategik UiTM2025. UiTMCSH melakukan pelaporan berkala bagi program-program yang dilaksanakan memastikan penyimpanan data di dalam sistem PRIME serta melakukan penilaian, terhadap impak program berdasarkan kaji selidik maklum balas peserta dan jemputan melaksanakan komunikasi berkala dengan alumni dan komuniti terutama komuniti sasaran.

Penilaian risiko telah dilakukan berkaitan operasi bidang tumpuan. Pelan perancangan pengurusan risiko mencakupi 3 jenis risiko utama:

- Pelan perancangan pengurusan risiko Perancang Strategik.
- Pelan perancangan pengurusan risiko Petunjuk Prestasi.
- Pelan perancangan pengurusan risiko khusus kepada perlaksanaan projek tersebut .

Setiap pelan perancangan pengurusan risiko yang dikenal pasti merangkumi dua pelan utama iaitu pelan pencegahan dan pembetulan. Kaedah ini bukan sahaja menjamin kelestarian program, bahkan mengukuhkan lagi kesejahteraan hubungan di antara UiTMCSH bersama alumni, komuniti dan pemegang taruh yang lain.



## **6.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

UiTMCSH telah mengambil **PENDEKATAN** yang sistematik berkaitan tumpuan operasi untuk memastikan libat urus bersama alumni dan komuniti dilaksanakan dengan efisien dan efektif. Bagi memastikan kelestarian terhadap program dan aktiviti jaringan komuniti, UiTMCSH mengamalkan elemen berikut dalam pengurusan operasi bidang tumpuan bersesuaian dengan garis panduan jaringan komuniti UiTM (**Bukti 6.2.1**)

### i. Perancangan

Membuat perancangan dengan menetapkan objektif yang jelas, tadbir urus, perundangan, proses, peranan pihak pemegang taruh dan jangkaan hasil yang diharapkan.

### ii. Kumpulan Sasaran

Mengiktiraf komuniti sasaran sebagai sebuah entiti yang dihormati dalam menangani isu yang relevan dengan kesejahteraan masyarakat dan entiti budaya mereka.

### iii. Mekanisme Penyampaian

Memudah cara penglibatan bersama secara saksama melibatkan semua rakan komuniti di semua peringkat inisiatif.

### iv. Kelestarian

Memastikan kelangsungan hubungan kerjasama yang berterusan melalui strategi dan pelan pembangunan komuniti.

### v. Nilai dan Budaya

Mencapai tahap jaringan komuniti yang tulen, bertanggungjawab, amanah dan fokus kepada pemegang taruh

Bagi jaringan Alumni UiTMCSH mengambil pendekatan mengenal pasti alumni serta kepakaran mereka melalui MyAlumni UiTM. UiTMCSH dapat menggunakan maklumat tersebut untuk mendapatkan sumbangan kewangan dan kepakaran mereka yang boleh dimanfaatkan untuk program akademik dan bukan akademik. (**Bukti 6.2.2**)

Salah satu projek komuniti yang menggunakan pendekatan seperti diatas ialah Projek *Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System* (FLP-GAPS) adalah di antara projek komuniti UiTMCSH pada tahun 2022, projek ini telah bermula pada April 2020 dan ia telah memberi impak yang signifikan di mana projek ini **membantu kerajaan dalam membangunkan sosioekonomi komuniti** dengan membina infrastruktur/infostruktur, melengkapkan keperluan utiliti, peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan, menawarkan latihan dan bimbingan secara berterusan. Pelaksana FLP-GAPS komited dalam memastikan kelancaran operasi bidang tumpuan, bagi melengkapkan garis panduan tadbir urus yang sedia ada pelaksana projek mengambil langkah yang drastik dengan mewujudkan *Standard*

*Operating Procedure (SOP)* (**Bukti 6.2.3**) bagi projek komuniti yang dijalankan. SOP tambahan ini penting kerana setiap projek komuniti mempunyai keunikan tersendiri di mana garis panduan operasi umum tidak dapat digunakan sepenuhnya untuk setiap projek komuniti.

UiTMCSH telah merancang untuk melaksanakan program-program tanggungjawab sosial universiti (USR) dan program pemindahan ilmu (KTP) bersasar bagi komuniti. Proses mengenal pasti, memilih dan memeterai perhubungan dengan komuniti setempat oleh UiTMCSH telah menggunakan pendekatan berikut (**Bukti 6.2.1**)

Hasil komunikasi dengan komuniti setempat, pihak UiTMCSH telah mengenal pasti kumpulan sasaran bagi program USR ini. Pelaksanaan aktiviti bersifat akademik seperti STEM Outreach Program UiTM Cawangan Sabah di SK Pekan Tongod, Ekspedisi Saintifik Kanyon Imbak 2022, dan bukan akademik sumbangan beras seperti pek makanan ringan bagi Dapur HEP Sumbangan Daripada Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTMCSH, *Speaker for Minggu Kerjaya*

Program at SK Tanaki Papar dan banyak lagi program lain telah dijalankan melibatkan warga UiTMCSH dan komuniti sasaran. (**Bukti 6.2.4**)

UiTMCSH memastikan proses tadbir urus kesukarelawan bersama komuniti berjalan lancar penyediaan kertas kerja, borang permohonan aktiviti, surat kelulusan untuk mengadakan aktiviti dan semakan semula borang permohonan aktiviti dilakukan sebelum kebenaran menjalankan aktiviti komuniti dan kesukarelawan. (**Bukti 6.2.5**)

Kesimpulannya perancangan terhadap operasi telah dibuat secara sistematik berpandukan kepada garis panduan di peringkat universiti, kebangsaan dan SOP komuniti projek yang mana inisiatif inovasi dan perkongsian pengetahuan telah dititikberatkan.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_O01\\_OB02\\_20241\\_K0025\\_O01\\_OB02\\_20231\\_Bukti 6.2.1.pdf](#)
2. [K0025\\_O01\\_OB02\\_20242\\_K0025\\_O01\\_OB02\\_20232\\_Bukti 6.2.2.pdf](#)
3. [K0025\\_O01\\_OB02\\_20243\\_PELAPORAN MKSP KOMUNITI TAHUN 2023.pdf](#)
4. [K0025\\_O01\\_OB02\\_20244\\_K0025\\_O01\\_OB02\\_20234\\_Bukti 6.2.4.pdf](#)
5. [K0025\\_O01\\_OB02\\_20245\\_K0025\\_O01\\_OB02\\_20235\\_Bukti 6.2.5.pdf](#)

### **6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Inisiatif perluasan yang diambil dalam menyokong pelaksanaan objektif bidang tumpuan pilihan yang melibatkan keseluruhan sistem UiTM adalah melalui:

- i. Mengguna pakai sistem MyAlumni UiTM yang merekodkan bilangan dan kepakaran alumni. Selain itu UiTMCSH juga telah menjalankan tinjauan berkala bagi memastikan maklumat terkini alumni fakulti dari segi kerjaya dan kepakaran sentiasa dikemas kini. Bengkel perancangan strategik dan laporan piagam pelanggan diguna pakai untuk membantu UiTMCSH mengenal pasti komuniti setempat yang memerlukan kepakaran UiTMCSH. Melalui maklumat yang diperolehi dari sistem dan laporan UiTMCSH dapat **merancang (PLAN)** program bersesuaian bagi keterlibatan alumni dan komuniti tersebut. Bengkel perancangan strategik telah dijalankan untuk merencanakan perjalanan program-program yang membabitkan kerjasama antara fakulti, industri, komuniti dan alumni. (**Bukti 6.3.1**)
- ii. Hasil dari pengumpulan data, UiTMCSH telah mengenal pasti kepakaran alumni dan sumber manusia UiTMCSH justeru memudahkan keterlibatan mereka sebagai fasilitator dan penceramah dalam program-program komuniti anjuran UiTMCSH di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. (**DO**) Sepanjang tahun 2022 UiTMCSH telah Pengajuran pelbagai program kesukarelawan yang memberi manfaat kepada komuniti setempat, malah diperluaskan ke peringkat antarabangsa seperti *International Workshop on Knowledge Sharing and Capacity Building for Precision Agriculture Workshop using UAVs Techniques in the South and Southeast Asian Region*. UiTMCSH melaksanakan program khidmat bakti keusahawanan dengan komuniti sekitar seperti *Empowering Association & Society for Hawker & Small Business Traders in Tamu Luadi*, Kota Belud, Sabah (**Bukti 6.3.2**)
- iii. Pemantauan (**CHECK**) projek komuniti dan mengesan alumni dijalankan berturusan sepanjang tahun. Laporan projek PRIME, (**Bukti 6.3.3**), Laporan Community Network Centre (CNC) (**Bukti 6.3.4**) dan Laporan program perkhidmatan kepakaran alumni 2022 (**Bukti 6.3.5**). dijadikan sebagai instrumen untuk menyemak prestasi dan perkembangan bidang tumpuan. Hasil dari laporan tersebut akan dibawa ke mesyuarat MKSP, JKEN dan Bengkel Perancangan Strategik
- iv. (**ACTION**) hasil semakan terhadap laporan akan di bincangkan di Bengkel Perancangan Strategik di mana tindakan penambahbaikan akan dilaksanakan untuk memastikan punca kegagalan tidak berlaku pada masa akan datang

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_O01\\_OB03\\_20241\\_K0025\\_O01\\_OB03\\_20231\\_Bukti 6.3.1.pdf](#)
2. [K0025\\_O01\\_OB03\\_20242\\_K0025\\_O01\\_OB03\\_20232\\_Bukti 6.3.2.pdf](#)
3. [K0025\\_O01\\_OB03\\_20243\\_K0025\\_O01\\_OB03\\_20233\\_Bukti 6.3.3.pdf](#)
4. [K0025\\_O01\\_OB03\\_20244\\_K0025\\_O01\\_OB03\\_20234\\_Bukti 6.3.4.pdf](#)
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan, UiTMCSH menitikberatkan komunikasi dua hala yang konsisten antara UiTMCSH dengan alumni dan komuniti. Maklumat berkaitan projek yang dijalankan adalah sangat penting untuk mengenal pasti isu dan punca kepada kegagalan sesuatu projek oleh itu UiTMCSH sangat memfokuskan kepentingan Pelaporan bagi setiap aktiviti bidang tumpuan oleh itu UiTMCSH mewajibkan pelaksana projek untuk menyediakan dokumentasi berikut:

- Laporan projek PRIME, **(BUKTI 6.4.1)**
- Laporan Community Network Centre (CNC) **(BUKTI 6.4.2)**
- Laporan aktiviti penutup program, **(BUKTI 6.4.3)**
- Borang kelulusan projek aktiviti **(BUKTI 6.4.3)**
- Kertas kerja projek komuniti **(BUKTI 6.4.3)**
- Laporan program perkhidmatan kepakaran alumni 2022 **(BUKTI 6.4.4)**

Maklumat dari pelaporan tersebut dapat digunakan di dalam Bengkel perancangan strategik akan melakukan analisis data bagi mengenal pasti masalah dan melakukan penambahbaikan dalam tadbir urus operasi UiTMCSH. **(BUKTI 6.4.5)**

Secara keseluruhan, dapatan dari perkara-perkara ini amat penting untuk mendapatkan input, menilai, mengkaji semula dan menambahbaik tadbir urus operasi UiTMCSH.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20241\\_K0025\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20231\\_BUKTI 6.4.1.pdf](#)
2. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20242\\_K0025\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20232\\_BUKTI 6.4.2.pdf](#)
3. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20243\\_K0025\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20233\\_BUKTI 6.4.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

#### **6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Pengurusan risiko yang berkesan perlulah melalui 3 proses yang pertama ialah mengenal pasti risiko, yang ke dua adalah pencegahan dan yang terakhir adalah pembetulan. Kelancaran sesuatu operasi bergantung kepada pengurusan risiko yang baik, oleh itu UiTMCSH mengenal pasti semua risiko dan menyediakan pelan pencegahan dan pembetulan risiko di setiap peringkat:

- Risiko pencapaian objektif dan inisiatif strategik (**Bukti 6.4.2.1**)
- Risiko Petunjuk Prestasi (**Bukti 6.4.2.2**)
- Peringkat projek komuniti (**Bukti 6.4.2.3**), (**Bukti 6.4.2.4**), (**Bukti 6.4.2.5**)

Melalui perbincangan dalam Bengkel Perancangan Strategik UiTMCSH dan mesyuarat di peringkat pelaksana projek komuniti beberapa risiko telah di kenal pasti di mana ia boleh menjelaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian objektif dan inisiatif strategik. boleh diklasifikasi mengikut enam (6) kumpulan utama. Ini bagi memudahkan pihak pengurusan untuk mengetahui punca risiko dan tindakan kawalan yang sesuai. Kumpulan risiko terdiri daripada Risiko Strategik, Risiko Kewangan, Risiko Perundangan, Risiko Reputasi, Risiko Operasi dan Risiko Projek. (**Bukti 6.4.2.1**)

Melalui Bengkel Perancangan Strategik PJIM&A risiko Petunjuk Prestasi dikenal pasti iaitu dimana risiko ini khusus kepada PI tersebut sebagai contoh *PI080 number of alumni expert service programme*, risikonya ialah *low percentage of graduate entrepreneurs* langkah pembetulan dan pencegahannya ialah *encourage graduates to continue with their business by giving grant for business start-up*. Setiap risiko PI kepada bidang tumpuan dikenal pasti dan langkah pencegahan dan pembetulan di rangkah

(Bukti 6.4.2.2)

Risiko khusus kepada projek juga dikenal pasti melalui mesyuarat di peringkat pelaksana projek. Risiko khusus ini sangat penting kerana setiap projek komuniti adalah unik dimana risiko generik tidak boleh diguna pakai oleh itu risiko khusus kepada projek itu dikenal pasti untuk memastikan kelestarian projek dan hubungan dengan komuniti setempat dapat jaga dengan baik. Projek FLP-GAPS telah mengenal pasti risiko yang boleh menjelaskan kejayaan projek. Risiko tersebut dibahagi kepada tiga tahap

- Risiko Tahap Rendah (**Bukti 6.4.2.3**)
- Risiko Tahap Sederhana (**Bukti 6.4.2.4**)
- Risiko Tahap Tinggi (**Bukti 6.4.2.5**)

Setiap risiko yang dikenal pasti disediakan langkah-langkah pencegahan dan penyelesaian bagi mengurangkan peratusan risiko terjadi. Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, Pengurusan Kanan UiTMCSH telah merancang tindakan pencegahan dan pembetulan risiko bidang tumpuan dengan langkah penyelesaian yang bersesuaian.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20241\\_K0025\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20231\\_Bukti 6.4.2.1.pdf](#)
2. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20242\\_K0025\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20232\\_Bukti 6.4.2.2.pdf](#)
3. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20243\\_K0025\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20233\\_Bukti 6.4.2.3.pdf](#)
4. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20244\\_K0025\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20234\\_Bukti 6.4.2.4.pdf](#)
5. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20245\\_K0025\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20235\\_Bukti 6.4.2.5.pdf](#)

#### **6.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Bagi melaksanakan tujuan penambahbaikan pengurusan operasi, UiTMCSH menganalisis hasil tindakan yang diperoleh dari maklumbalas dan dapatan dari laporan program. Antara Tindakan penambahbaikan yang telah diambil oleh UiTMCSH ialah, PTJ perlu mengemas kini pelaporan pencapaian perancangan strategik setiap satu hingga tiga bulan kepada Penyelaras UPS UiTMCSH melalui atas talian. Pihak UPS akan mengemas kini Templat Pencapaian Petunjuk Prestasi (TPPP) (**Bukti 6.4.3.1**) berlandaskan penambahbaikan yang telah dicadangkan sebelum ini bagi mengelak kesilapan tahun sebelumnya berulang.

Penyelaras UPS UiTMCSH akan menyediakan laporan secara menyeluruh terhadap hasil pengumpulan dan membentangkannya pada MKSP dan Mesyuarat JKEN, di mana ia merupakan medium bagi membincangkan sama ada penambahbaikan yang dilaksanakan berkesan ataupun tidak.

Semua input yang diperolehi dari Mesyuarat dan pelaporan akan digunakan di dalam Bengkel Perancangan Strategik (**Bukti 6.4.3.4**) di mana semua input tersebut akan diformulasikan menjadi penambahbaikan dalam tumpuan operasi memainkan peranan yang penting dalam memastikan setiap penambahbaikan mendatangkan kesan positif terhadap bidang tumpuan. Selain itu Laporan projek PRIME, (**Bukti 6.4.3.2**), Laporan Community Network Centre (CNC)

(**Bukti 6.4.3.3**). Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, UiTMCSH telah berjaya memastikan setiap penambahbaikan yang dilaksanakan mendatangkan hasil, ini dapat dibuktikan dengan petunjuk prestasi bagi bidang tumpuan mencapai dan melebihi sasaran selama 3 tahun berturut dari tahun 2020 hingga 2022. (**Bukti 6.4.3.5**)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20241\\_K0025\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20231\\_Bukti 6.4.3.1.pdf](#)
2. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20242\\_K0025\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20232\\_Bukti 6.4.3.2.pdf](#)
3. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20243\\_K0025\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20233\\_Bukti 6.4.3.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Pembudayaan yang terhasil daripada penambahbaikan bidang tumpuan ialah penglibatan semua warga UiTM dalam projek komuniti dan kesukarelawan, setiap tahun semakin banyak projek komuniti yang dijalankan di peringkat persatuan pelajar sebagai contoh Program Tautan Kasih Bersama Anak Yatim HOME Tuaran anjuran JPK. (**BUKTI 6.5.1**) dan Program Infaq Kurma: Misi Kasih Ramadhan ke Rumah Anak Yatim HOME Tuaran dan Surau Kg. Unggun anjuran Persatuan Diploma Perakaunan UiTMSCH (**BUKTI 6.5.2**)

Budaya ini amat memberangsangkan kerana sebelum ini projek komuniti dan kesukarelaan kebanyakannya dilaksanakan di peringkat bahagian seperti Bahagian PJIM&A dan HEP. Selain itu Projek Komuniti dan Kesukarelawan yang meningkat setiap tahun menjadi bukti UiTMCSH berjaya memupuk kesedaran di kalangan warga UiTM untuk membudayakan projek komuniti dan kesukarelawan (**BUKTI 6.5.3**). Jumlah alumni yang berkongsi kepakaran juga meningkat sepanjang tahun di mana setiap semester akan ada alumni yang melakukan perkongsian ilmu kepada pelajar. (**BUKTI 6.5.4**) Selain itu sumbangan dalam bentuk makanan juga diberi kepada pelajar di mana ini merupakan projek komuniti berkala setiap semester iaitu Dapur HEP 1.0 dan Dapur HEP 2.0 (**BUKTI 6.5.5**)

Demi memastikan segala usaha penambahbaikan berterusan dapat dilaksanakan dengan efisien, kerjasama dan budaya saling membantu di kalangan staf adalah diperlukan. Selain itu budaya memastikan setiap projek komuniti mengikuti garis panduan dan sistem yang disediakan sangat penting bagi memastikan kelancaran operasi bidang tumpuan. Kejayaan UiTMCSH memerlukan keterlibatan dan sokongan berterusan dari semua pihak termasuk warga fakulti, alumni, pemegang taruh dan juga komuniti setempat.

Bagi memastikan kelestarian program anjuran UiTMCSH bersama komuniti, program-program, UiTMCSH mengamalkan pembudayaan amalan kerja yang cekap bermula dari perancangan, pembikinan, pemantauan, pengenalpastian risiko sehingga penambahbaikan sekaligus menjamin tahap kecemerlangan tertinggi

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_O01\\_OB05\\_20241\\_K0025\\_O01\\_OB05\\_20231\\_BUKTI 6.5.1.pdf](#)
2. [K0025\\_O01\\_OB05\\_20242\\_K0025\\_O01\\_OB05\\_20232\\_BUKTI 6.5.2.pdf](#)
3. [K0025\\_O01\\_OB05\\_20243\\_K0025\\_O01\\_OB05\\_20234\\_BUKTI 6.5.4.pdf](#)
4. [K0025\\_O01\\_OB05\\_20244\\_K0025\\_O01\\_OB05\\_20235\\_BUKTI 6.5.5.pdf](#)
- 5.

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

#### **HASIL SUMBER MANUSIA**

##### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCSH memastikan tenaga kerja yang menerajui organisasi mampu memanifestasikan misi, visi dan matlamat organisasi seiring dengan keperluan organisasi. Sumber Manusia merupakan aset organisasi di dalam memastikan kelancaran, perkembangan dan kejayaan sesebuah organisasi. Sumber Manusia yang efisien bermula dengan perancangan sumber manusia yang optimum berdasarkan tadbir urus yang mantap sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan Pelan Strategik UiTM. UiTMCSH melalui Pengurusan Sumber Manusia tangkas menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan bersama projek Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) dan projek Dapur HEP. Hasil dari perancangan sumber manusia memberi fokus kepada beberapa aspek utama iaitu proses pemindahan ilmu (Knowledge Transfer Program), penghasilan inovasi dan sumbangan kepada komuniti. Ini dapat di lihat melalui pengiktirafan dan penghargaan yang diterima oleh ahli projek ini yang bertaraf nasional dan antarabangsa. Kompetensi sumber manusia dalam bidang keusahawanan dan secara tidak langsung membantu komuniti usahawan dalam memacu ekonomi negara. Kemahiran dan kepakaran sumber manusia turut diiktiraf di peringkat antarabangsa di mana salah satu ahli projek tumpuan, Prof Madya Dr Rozita @ Uji Binti Mohammed menjadi ahli Sakura Science Exchange Program oleh University of the Ryukus Okinawa JapanPerancangan dan kaedah pengurusan sumber manusia meliputi aktiviti yang sistematik dan komprehensif yang melibatkan sumber tenaga kerja secara menyeluruh dalam organisasi untuk jangka masa yang panjang. UiTMCSH menerapkan pencapaian prestasi staf yang berorientasikan nilai dengan pemetaan nilai I-DART dan ESI. Pengurusan Sumber Manusia UiTMCSH, mengoptimakan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan bidang tumpuan projek FLP-GAPS, di mana pengurusan kampus telah memetakan teras strategik sumber manusia menggunakan kaedah pengurusan strategik SWOT analisis bagi mengenal pasti keupayaan kelebihan, kekurangan, peluang dan halangan bagi membantu pengurusan kampus mengenal pasti tindakan keberkesanan pengurusan. Pengurusan risiko berbentuk tiga peringkat iaitu rendah, sederhana dan tinggi dikenal pasti dalam memilih pendekatan kos efektif secara sistematik dan mudah bagi mengurangkan kesan berlakunya ancaman pada UiTMCSH, khususnya merujuk kepada projek FLP-GAPS dan Dapur HEP. Sebagai contoh, risiko tahap rendah diatasi dengan menggunakan pelan tindakan berbentuk pemasangan CCTV dan lampu limbah (Spotlight), menempatkan penyelia di setiap tapak dan pemberian latihan kepada peserta dan penyelia tapak projek. Dapur HEP turut menerapkan sifat empati kepada setiap sukarelawan agar menjadi sumber manusia yang mampu membimbing di masa hadapan.

##### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_K0025\\_HB02\\_20241\\_7.1 TAHAP- HASIL PERANCANGAN STRATEGIK  
UiTMCSH.pdf](#)

##### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_K0025\\_HB03\\_20242\\_7.2 TREN-HASIL PERANCANGAN STRATEGIK  
UiTMCSH.pdf](#)

##### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_K0025\\_HB04\\_20243\\_7.3 PERBANDINGAN- HASIL PERANCANGAN STRATEGIK UiTMCSH.pdf](#)

### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_K0025\\_HB05\\_20244\\_7.4 KEPENTINGAN-HASIL PERANCANGAN STRATEGIK UiTMCSH.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

#### **HASIL PERANCANGAN STRATEGIK**

##### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan Strategik UiTMCSH berkaitan bidang tumpuan iaitu Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan adalah sejajar dengan tema 1 dan tema 2 RMKe-12, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, lonjakan kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dan tema strategik 5 Pelan Strategik UiTM2025. Terdapat tiga objektif utama yang melibatkan universiti, industri, kerajaan, komuniti dan alumni iaitu program khidmat kepakaran alumni, program antarabangsa kerjasama industri/komuniti dan program kesukarelawan antarabangsa.

Proses pelaksanaan melibatkan empat bahagian utama iaitu Bengkel Perancangan Strategik, Pengurusan Tertinggi UiTMCSH, Unit Strategik Transformasi Universiti (USTU) dan Pihak yang bertanggungjawab (PTJ). Manakala proses pemantauan melibatkan tiga pihak iaitu Pengurusan tertinggi UiTMCSH, USTU dan PTJ. UiTMCSH telah merangka pelan pemantauan yang sistematik dalam memastikan objektif dan inisiatif strategik dapat dilaksanakan dengan jayanya. UiTMCSH telah menguruskan risiko-risiko dengan berkesan secara mengenal pasti kategori risiko, tahap risiko dan pelan tindakan pencegahan dan pembetulan dalam menambah baik inisiatif yang telah dirancang bagi memastikan objektif utama tercapai. Oleh itu, untuk penambahbaikan UiTMCSH telah mengatur strategi dalam mengawal risiko dengan melaksanakan beberapa kaedah kawalan strategik seperti mengatur dan mengkoordinasi respons UiTMCSH dalam menentukan peranan dan skop aktiviti dan menyelaras semua aktiviti mengikut tahap keperluan semasa. Pada dasarnya ke semua inisiatif strategik UiTMCSH telah dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan dan menghasilkan pencapaian yang melebihi sasaran.

Pencapaian UiTMCSH dapat diukur melalui hasil pelaksanaan dua projek utama iaitu Projek Freshwater Lobster Production - Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) di bawah naungan kumpulan SIG-ToCoDeS yang telah dianugerahkan geran bernilai RM3.5 juta oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) melalui program Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera Sabah (DPUB). Projek ini adalah bertujuan membangunkan projek berdasarkan industri penternakan Lobster Air Tawar (LAT) dalam usaha membantu golongan B40. Projek kedua adalah Dapur HEP yang berkoncepkan No One Gets Hungry. Pemilihan projek utama ini adalah disebabkan hasil pencapaian yang terbaik dan mencapai objektif utama Perancangan Strategik bagi tahun 2023.

Pelbagai program dilaksanakan melalui projek utama ini telah memberi impak bukan sahaja di peringkat nasional malah ia memberi impak di peringkat antarabangsa. Bagi peringkat antarabangsa, pada tahun 2023, SIG-ToCoDeS (FLP-GAPS) juga terus mengukir nama di peringkat antarabangsa di atas kejayaan memperolehi Projek Penyelidikan Bersama University of the Ryukyu Okinawa, Japan, dengan tajuk “International Joint Technical Exchange Program for the Promotion and Incubation of Sustainable Tropical Marine Aquaculture” melalui Sakura Science Exchange Program pada 12-22 November 2023. Selain itu, menerusi Edisi Khas Springer Nature Singapore “Green Infrastructure: Materials and Applications”, FLP-GAPS mengambil inisiatif

Community-Based Social Enterprise (CBSE) kepada model yang lebih kontemporari Green CBSE dengan menambah elemen ‘Green’ yang merujuk kepada elemen akua, agro, organik, Islamik, penggunaan sumber kitar semula dan projek yang mesra alam dengan menggunakan tenaga solar. Ini membuktikan perkongsian berkaitan model ini telah disebar luas secara penulisan ke peringkat antarabangsa.

Dapur HEP, UiTMCSH telah dipaten dan mendapat hak cipta inovasi daripada MyIPO, telah disebar luas dengan menjalankan hubungan kerjasama dan kolaborasi bagi khidmat kesukarelawan dan komuniti di peringkat antarabangsa melalui program Jaringan Serumpun Operasi Khidmat Masyarakat dan SULAM (JAS-OPS 2023) kerjasama UiTMCSH dan Sekolah Indonesia.

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_K0025\\_HB02\\_20241\\_7.1 TAHAP SUMBER MANUSIA.pdf](#)

#### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_K0025\\_HB03\\_20242\\_7.2 TREN HASIL SUMBER MANUSIA.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_K0025\\_HB04\\_20243\\_7.3 COMPARISON HASIL SUMBER MANUSIA.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_K0025\\_HB05\\_20244\\_7.4 IMPORTANCE HASIL SUMBER MANUSIA.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

#### **HASIL TUMPUAN PELANGGAN**

##### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCSH sentiasa berusaha untuk menjalinkan hubungan dua hala secara berterusan antara pihak UiTMCSH bersama pelanggan seperti pelajar, alumni, pemegang taruh dan pihak industri bagi memastikan Misi, Visi dan KPI UiTMCSH dapat dicapai. Penglibatan pelanggan dalam projek Freshwater Lobster Production-Green Aquaponics System (FLP-GAPS) dan Dapur HEP telah menghasilkan kejayaan yang amat membanggakan.

Projek FLP-GAPS adalah projek usahasama diantara TERAJU-UiTM (MoA ditandatangani pada 19 Disember 2019) yang melibatkan pelanggan seperti pensyarah selaku Projek Peneraju, TERAJU selaku pihak penaja, rakan-rakan strategik dan komuniti B40. Projek FLP-GAPS adalah projek berimpak tinggi selaras dengan aspirasi Hala Tuju Sabah Maju Jaya: Pelan Pembangunan 2021-2025 dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030) yang dibiayai Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) Sabah di bawah TERAJU bernilai RM3.5 juta yang melibatkan pelbagai pihak terutamanya dalam kalangan komuniti yang berpendapatan rendah iaitu golongan B40. Objektif utama projek ini ialah membantu kerajaan dalam membangunkan sosioekonomi komuniti juga membantu komuniti dengan menawarkan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan, menawarkan latihan dan bimbingan secara berterusan.

Dapur HEP merupakan inisiatif yang diinspirasikan oleh TR HEP UiTMCSH pada ketika itu, iaitu Datin Dr. Rafidah @ Malissa Salleh yang bermula pada Mac 2022. Tujuan utama Dapur HEP ini diwujudkan adalah untuk meringankan beban pelajar golongan B40. Penubuhan Dapur HEP telah menyumbang kepada pencapaian beberapa Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Antaranya ialah: 1) SDG 2: Tiada Kelaparan. Dapur Hep menyediakan makanan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan, membantu mengurangkan kelaparan di kalangan pelajar dan memastikan mereka mendapat akses kepada makanan yang berkhasiat. 2) SDG 3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan. Dengan menyediakan makanan yang sihat dan seimbang, Dapur Hep menyokong kesihatan dan kesejahteraan pelajar-pelajar, memastikan mereka mempunyai tenaga dan tumpuan untuk pembelajaran. 3) SDG 4: Pendidikan Berkualiti. Dengan mengurangkan kebimbangan pelajar terhadap makanan, Dapur Hep membantu memastikan pelajar dapat memberi tumpuan penuh kepada pendidikan mereka, yang secara langsung menyokong pendidikan yang berkualiti, dan yang terakhir 4) SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan. Dapur Hep membantu mengurangkan ketidaksamaan dengan menyediakan makanan kepada semua pelajar, terutamanya mereka yang berasal dari latar belakang yang kurang berkemampuan. Inisiatif Dapur Hep UiTM bukan hanya membantu pelajar yang berkekurangan bahkan sekaligus telah membantu dan menyokong pencapaian SDG, terutamanya yang berkaitan dengan kelaparan, kesihatan, pendidikan, dan ketidaksamaan.

##### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_K0025\\_HB02\\_20241\\_7.2.3 Tahap \(Level\) HASIL TUMPUAN PELANGGAN 2024.pdf](#)

##### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_K0025\\_HB03\\_20242\\_7.2.3 Tren HASIL TUMPUAN PELANGGAN 2024.pdf](#)

#### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_K0025\\_HB04\\_20243\\_7.2.5 Perbandingan HASIL TUMPUAN PELANGGAN 2024.pdf](#)

#### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_K0025\\_HB05\\_20244\\_7.2.4 Kepentingan HASIL TUMPUAN PELANGGAN 2024.pdf](#)